



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI ISNIN : 17 MAC 2014

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 10 HINGGA 80)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN CHONG CHIENG JEN
KAWASAN : BANDAR KUCHING
TARIKH : 17 MAC 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN CHONG CHIENG JEN (BANDAR KUCHING) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan untuk peningkatan Pan Borneo Highway kepada *dual-carriageway* sejak tahun 2010 dan setakat ini, berapa kilometer jalan tersebut yang telah dinaiktaraf ke *dual-carriageway*.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jarak panjang keseluruhan Jalan Pan Borneo ialah 2,239km. Daripada jumlah tersebut, 1,166km ialah Jalan Pan Borneo di Sabah dan 1,073km di Sarawak.

Perancangan untuk menaik taraf keseluruhan Jalan Pan Borneo kepada laluan *dual-carriageway* dibuat berasaskan kepada Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya, Sabah dan Sarawak (HNDP Fasa 2) yang diterbitkan pada tahun 2010. Pelan Induk tersebut mencadangkan Jalan Pan Borneo dinaikkan taraf secara berperingkat sehingga tahun 2025. Anggaran kos keseluruhan yang terlibat ialah sebanyak RM22 bilion (RM9.5 bilion di Sabah, RM12.5 bilion di Sarawak).

Pada masa kini 251km atau 11% dari keseluruhan Jalan Pan Borneo telah siap dibina *dual-carriageway*, iaitu 114km di Sabah dan 137km di Sarawak. Sebahagian daripada projek tersebut telah disiapkan dalam tempoh RMKe-9 dan bersambung ke RMKe-10, dan seterusnya. Manakala peruntukan Kerajaan yang dibelanjakan untuk menaiktaraf Jalan Pan Borneo kepada *dual-carriageway* dari tahun 2010 hingga 2013 ialah sebanyak RM466.29 juta. Di samping itu, Kerajaan juga telah memperuntukkan RM189 juta untuk skop pelaksanaan projek-projek kecil berimpak besar, seperti pembinaan lorong memotong dan menaik taraf kawasan kerap kemalangan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK HAJI DATU NASRUN
BIN DATU MANSUR [SILAM]**

TARIKH : 17 MAC 2014

SOALAN :

YB. Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menaiktaraf kawasan Parlimen Silam sebagai salah satu destinasi pelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, memandangkan kawasan Parlimen Silam mempunyai tempat pelancongan.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM46.7 juta bagi melaksanakan projek-projek pembangunan pelancongan di Negeri Sabah.

Bagi kawasan Parlimen Silam, sebanyak RM7.1 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan dua (2) projek pembangunan pelancongan iaitu:

- a) Projek Pembangunan Kawag Riverside Lodge di Hutan Simpan Ulu Segama, Lahad Datu, Sabah sebanyak RM4.5 juta dan
- b) Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Rezab Hidupan Liar Tabin, Lahad Datu, Sabah sebanyak RM2.5 juta.

Projek-projek tersebut merupakan salah satu langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menaiktaraf infrastruktur di kawasan Parlimen Silam yang mana menjadi salah satu destinasi pelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]
TARIKH : 17 MAC 2014
SOALAN :

YB Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan makmal perubatan swasta dalam negara. Apakah masalah dan cara untuk menyelesaikannya.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, terdapat 255 makmal patologi persendirian (*stand alone*) dan 101 makmal patologi di hospital swasta dalam negara. Antara masalah atau isu yang dihadapi oleh makmal perubatan (patologi) swasta di negara adalah seperti berikut:

1. Isu kualiti perkhidmatan.

Dikhuatiri terdapat makmal perubatan swasta tidak mengikut piawaian yang ditetapkan, contohnya memberi keputusan makmal yang kurang tepat, mengamalkan metodologi dan prosedur-prosedur ujian makmal yang kurang sesuai lagi terkini, alat-alat makmal yang kurang mencukupi serta mengamalkan sistem merekod sampel dan keputusan yang kurang mantap;

2. Isu kelayakan dan pengalaman kakitangan

Isu samada kakitangan mempunyai kelayakan, latihan dan pengalaman yang mencukupi dan sesuai serta makmal patologi menyediakan kelas atau pengkhususan tidak berdasarkan kepakarannya;

3. Isu permintaan terhadap sampel

Permintaan terhadap sampel yang diterima dan dihantar keluar ada kalanya melalui mereka yang tidak berkelayakan;

4. Isu keselamatan makmal (safety requirement)

Isu berkaitan penggunaan, penjagaan, penyimpanan dan pembuangan peralatan atau bahan berbahaya mengikut kaedah yang tidak dibenarkan dan memudaratkan orang awam;

5. Isu Iklan yang mengelirukan

Iklan yang agak mengelirukan dan menawarkan ujian pada harga murah dan ada yang tidak diperlukan oleh pesakit; dan

6. Tiada penguatkuasaan buat masa ini

Tuan Yang di-Pertua,

Penyelesaian kepada masalah makmal perubatan (patologi) swasta di negara adalah seperti berikut:

1. Isu kualiti perkhidmatan

Akta Makmal Patologi 2007 yang bakal dikuatkuasakan akan mengawal selia perkhidmatan di makmal patologi swasta melalui proses permohonan kelulusan bagi menubuhkan dan menyenggarakan dan pelesenan makmal. Hanya makmal patologi yang mencapai piawaian yang ditetapkan sahaja dibenarkan menjalankan perkhidmatan kelak. Prosedur-prosedur ujian, peralatan makmal, sistem merekod sampel dan pengeluaran keputusan ujian akan dikawal selia bagi memastikan kualiti perkhidmatan terpelihara. Di samping itu, makmal patologi dikehendaki menjalankan kawalan sendiri ("*self regulation*"). Contohnya, Akta Makmal patologi 2007 mewajibkan penubuhan Jawatankuasa Penasihat Makmal Patologi (*Advisory Committee*) yang akan menasihati pemegang lesen dan orang yang bertanggungjawab kepada makmal. Makmal patologi swasta juga dikehendaki terlibat dalam program dan aktiviti kepastian kualiti, termasuk kawalan kualiti dalaman, perbandingan antara makmal (*inter-laboratory comparison*) dan aktiviti audit;

2. Isu kelayakan dan pengalaman kakitangan

Akta Makmal Patologi 2007 mengkehendaki supaya professional jagaan kesihatan yang bertugas di makmal patologi seperti pakar patologi, pegawai sains, dan juruteknologi makmal mempunyai kelayakan dan pengalaman yang mencukupi bagi setiap perkhidmatan yang diberi dan patuh kepada *Code of Professional Conduct* profesion masing-masing. Akta Makmal Patologi hanya membenarkan sesuatu makmal patologi menjalankan ujian mengikut kelas dan pengkhususan dan dilarang membuat ujian-ujian lain yang tidak dibenarkan atau tidak dinyatakan dalam lesen;

3. Isu permintaan terhadap sampel

Akta Makmal Patologi 2007 hanya membenarkan makmal patologi menjalankan ujian melalui permintaan daripada seorang Pengamal Perubatan Berdaftar atau Pengamal Pergigian Berdaftar;

4. Isu keselamatan makmal (safety requirement)

Akta Makmal Patologi 2007 mengkehendaki pemegang lesen memastikan amalan dan prosedur makmal yang baik diikuti oleh semua kakitangan dan mewujudkan polisi mengenainya. Langkah yang sesuai hendaklah diambil bagi melindungi kakitangan dan persekitaran daripada bahaya makmal. Akta ini juga mengkehendaki orang yang bertanggungjawab mewujudkan manual serta latihan kepada kakitangan mengenai keselamatan makmal;

5. Isu Iklan yang mengelirukan

Pengiklanan oleh makmal patologi yang dilesenkan adalah dikawal di bawah Akta ini di mana iklan yang dipapar hendaklah tidak mengelirukan orang awam atau melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kesihatan; dan

7. Tiada penguatkuasaan buat masa ini

Dengan kuatkuasa Akta ini , pemantauan akan dilakukan melalui aktiviti penguatkuasaan yang akan dilaksanakan oleh pasukan Kawalan Amalan Perubatan Swasta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), melalui pemeriksaan mengejut atau pemeriksaan berkala. Penalti bersesuaian bagi pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah akta ini akan dikenakan pada mereka yang terbukti bersalah.

Akta ini juga memberi kuasa kepada KKM untuk menutup mana-mana makmal patologi swasta yang menimbulkan bahaya kepada orang ramai. Apabila Peraturan-Peraturan Makmal Patologi diwartakan, penguatkuasaan Akta ini kelak dipercayai akan menyumbang kepada kesihatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim
[Kuala Selangor]**

TARIKH : **17.3.2014**

SOALAN :

Y.B. Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan bilangan Hospital Perubatan dalam negara serta status bermulanya pembinaan Hospital Perubatan UiTM, Puncak Alam; dan
- (b) bagaimana Kerajaan dapat membudayakan kreativiti dan inovasi bagi tujuan memperkasa modal insan pelajar sekali gus meningkatkan kompetensi dan kebolehpasaran graduan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini terdapat tiga (3) Hospital Pengajar Universiti yang telah beroperasi, iaitu Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) dan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang dan akan membangunkan tujuh (7) lagi Hospital Pengajar Universiti, iaitu:
 - i. Hospital Pengajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM);
 - ii. Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (UPM);

- iii. Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA);
- iv. Hospital Pengajar Universiti Malaysia Sabah (UMS);
- v. Hospital Pengajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM);
- vi. Hospital Pakar Kanak-kanak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
dan
- vii. Hospital Pengajar Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Berhubung pembangunan Hospital Pengajar UiTM, ia kini dalam peringkat rundingan Senarai Kuantiti (*Bil Of Quantity*) sebelum dibawa untuk kelulusan Jemaah Menteri.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa mengalakkan pelajar melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan, reka cipta dan reka bentuk bagi memupuk budaya inovasi dan kreativiti serta meningkatkan profesionalisme dan daya saing di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT). Sebagai contoh, antara kejayaan pada tahun ini, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah memenangi 4 pingat emas di Pameran Penyelidik Muda Antarabangsa dan politeknik memenangi satu (1) pingat emas dan dua (2) pingat perak dalam pertandingan Asian Youth Innovation Awards 2014.

Antara kejayaan lain yang dicapai ialah politeknik memenangi 11 anugerah emas dan 11 perak di 24th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX'13). Selain daripada itu, dalam Pertandingan Robocon 2013, *Robot Soccer Worldcup* 2013, pasukan daripada IPT dan politeknik tempatan telah berjaya mendapat 3 pingat emas, 2 perak dan 4 gangsa. Di samping itu IPT seperti USM, UKM, UNITEN dan UTM telah berjaya mempromosikan produk berpotensi untuk dikomesialkan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Bagi meneruskan kecemerlangan dalam bidang kokurikulum, KPM akan menyusun semula aktiviti kokurikulum sedia ada di semua peringkat agar lebih komprehensif dan bersesuaian dengan gelombang baru teknologi dan inovasi terkini. Selain itu, semakan kurikulum dilaksanakan bagi memastikan kurikulum yang ditawarkan memenuhi kehendak pasaran dan penambahbaikan akan dilaksanakan bagi memastikan graduan yang dihasilkan berkualiti dan menepati objektif program.

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara juga telah memberi penekanan terhadap aspek inovasi dan kreativiti melalui projek agenda kritikal terutamanya dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Budaya penerokaan baru di kalangan ahli akademik dan pelajar telah menjadi fokus utama dalam usaha memperkayakan khazanah ilmu dan pengkomersilan produk daripada aktiviti berkenaan.

Selain daripada itu, jaringan kerjasama dan kolaborasi antara universiti, industri termasuklah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan kerajaan juga diwujudkan bagi melahirkan graduan yang kreatif, inovatif dan mempunyai nilai kebolehpasaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL
AZIZ [PASIR MAS – PAS]**

TARIKH : 17 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN (NO. 14)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perkembangan serta tonggak-tonggak utama yang terkandung dalam Indeks Belia Malaysia (IBM).

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah SEMBILAN tunggak utama yang lebih dikenali sebagai DOMAIN dan ENAM PULUH DUA indikator telah dipilih oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) untuk dijadikan alat pengukur di dalam Indeks Belia Malaysia 2011.
2. Pada tahun ini, proses pelaksanaan Indeks Belia Malaysia (IBM) akan dijalankan berdasarkan kepada domain-domain tersebut dengan membuat penambahan terhadap indikator. Pihak IYRES akan membangunkan IBM di peringkat negeri melalui pendekatan "in-situ".
3. Antara tunggak utama DOMAIN-DOMAIN tersebut adalah:-
 - i. **Pembangunan Kendiri** yang mengandungi 9 Indikator
 - ii. **Hubungan Sosial** yang mengandungi 3 Indikator
 - iii. **Identiti** yang mengandungi 6 indikator
 - iv. **Potensi Diri** yang mengandungi 4 Indikator
 - v. **Waktu Senggang** yang mengandungi 3 Indikator
 - vi. **Kesihatan** yang mengandungi 12 Indikator
 - vii. **Ketembusan Media** yang mengandungi 9 Indikator
 - viii. **Tingkah Laku Devian** yang mengandungi 13 Indikator
 - ix. **Kesejahteraan Ekonomi** yang mengandungi 4 indikator

SULIT

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Indeks Belia Malaysia telah di keluarkan bermula pada tahun 2006, diikuti pada tahun 2008 yang hanya mengandungi 8 Domain, manakala Indeks Belia 2011 yang diterbitkan pada tahun 2012 mengandungi 9 Domain.
5. Berkaitan dengan perkembangan Indeks Belia Malaysia, maka ia boleh dilihat pencapaian skor bagi setiap Domain dan Indikator. Sebagai contoh di dalam Domain **Hubungan Sosial**, Skor yang didapati pada tahun 2011 adalah pada skor 69.0 berbanding dengan skor 66.7 pada tahun 2008 dan skor 73.5 pada tahun 2006. Domain ini meliputi Indikator Hubungan dengan Ibu Bapa, Hubungan dengan masyarakat dan hubungan dengan rakan. Dapatan positif yang digambarkan dalam IBM memberi petunjuk terhadap elemen positif secara tidak langsung ia menunjukkan peningkatan aset pembangunan belia itu sendiri.
6. Manakala dari segi Skor bagi Domain **Kesejahteraan Ekonomi** Belia Malaysia pada tahun 2011 yang meliputi indikator Jaminan Kewangan, Kebebasan Kewangan, Penggajian dan Kebolehpkerjaan menunjukkan tahap skor pada 46.9 yang memberi gambaran bahawa generasi Belia di Malaysia masih belum mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh.
7. Bagi tujuan rujukan, kementerian telah menempatkan Buku Indeks Belia Malaysia yang diterbitkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia di Perpustakaan Parlimen untuk dijadikan rujukan oleh ahli-ahli YB.

SULIT

[Nota : IYRES sedia mengedarkan salinan kepada semua ahli YB jika YB menteri bersetuju].

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : Lisan
- DARIPADA** : Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]
- TARIKH** : 17 Mac 2014
- SOALAN** : Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan antara usaha Kementerian dalam membantu rakyat menangani kenaikan harga barang dengan memperluaskan lagi peranan FAMA dengan memperbanyakkan pasar tani di seluruh negara:
- (a) berapakah jumlah keseluruhan pasar tani di seluruh negara mengikut negeri-negeri; dan
 - (b) apakah kesan, impak serta penerimaan usaha FAMA melalui pembinaan pasar-pasar tani ini di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, sehingga 28 Februari 2014, FAMA telah membangunkan 526 buah pasar tani di seluruh negara dengan pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

- | | | | |
|-----|--------|---|---------|
| i. | Perlis | – | 35 buah |
| ii. | Kedah | – | 38 buah |

iii.	Pulau Pinang	–	10 buah
iv.	Perak	–	26 buah
v.	Selangor	–	68 buah
vi.	Negeri Sembilan	–	28 buah
vii.	Melaka	–	25 buah
viii.	Johor	–	85 buah
ix.	Kelantan	–	51 buah
x.	Pahang	–	43 buah
xi.	Terengganu	–	18 buah
xii.	Sabah	–	35 buah
xiii.	Sarawak	–	46 buah
xiv.	Wilayah Persekutuan	–	18 buah

Dengan pengwujudan pasar tani ini di seluruh negara, pengguna boleh mendapatkan bekalan keperluan harian terutamanya bagi komoditi hasil produk agromakanan yang segar dan berkualiti dengan mudah pada harga yang berpatutan dan juga pengeluar mendapat pulangan yang munasabah.

Rekod menunjukkan bahawa nilai jualan yang telah dicatatkan sehingga 31 Disember 2013 adalah sebanyak RM668 juta dengan penglibatan seramai 23,554 orang peserta.

Bagi tahun 2014, sasaran bagi membangunkan Pasar Tani adalah sebanyak 60 buah pasar tani baru dan daripada jumlah ini sebanyak 9 buah pasar tani baru telah beroperasi. Sehingga bulan Februari 2014, bilangan Pasar Tani yang telah beroperasi adalah sebanyak 526 buah dengan nilai jualan sebanyak RM119 juta dengan penglibatan seramai 24,005 usahawan di seluruh negara.

Kesan/ Impak Kepada Petani/ Pengeluar/ Usahawan Tani:

Mengikut penemuan dalam Kajian Penilaian Outcome Program Pasar Tani yang telah dilaksanakan pada 9 - 28 Ogos 2011 melibatkan responden seramai 386 peserta di 14 lokasi pasar tani terpilih di seluruh negara, menunjukkan bahawa purata pendapatan kasar sebulan peserta pasar tani sebelum dan selepas

menyertai pasar tani menunjukkan peningkatan. Walau bagaimanapun, peratus peningkatan adalah berbeza mengikut komoditi yang dijual.

Purata pendapatan kasar sebulan yang paling tinggi adalah bagi peserta yang menjual ayam iaitu peningkatan sebanyak 417.23% @ RM6,179.25. Manakala purata pendapatan kasar yang paling rendah adalah peserta yang menjual ikan air tawar iaitu peningkatan sebanyak 92.49% @ RM3,172.97. Bagi semua komoditi hasil pertanian, jualan peserta di pasar tani menunjukkan peningkatan secara purata 184.65% @ RM3,593.21 sebulan. Ini menunjukkan program pasar tani telah berjaya meningkatkan pendapatan peserta.

Kesan/ Impak Kepada Pengguna:

Dalam usaha membantu kerajaan menangani kenaikan harga makanan yang sedang dihadapi oleh rakyat pada masa ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA telah melaksanakan Program Jimat Belanja Dapur di Pasar Tani dengan menawarkan penjimatan harga antara 5% hingga 20% bagi 32 komoditi terpilih di Pasar Tani seluruh Negara.

Perlaksanaan program ini dapat memberi pilihan kepada para pengguna untuk mendapatkan barangan daripada hasil produk agromakanan dengan harga yang berpatutan dan berkualiti.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
KAWASAN : AMPANG
TARIKH : 17 MAC 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN (AMPANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak IKRAM dan JKR melakukan kajian terhadap kawasan cerun di Ampang dan apakah hasil kajian tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Cawangan Kejuruteraan Cerun, Ibu Pejabat JKR pada tahun 2008 telah melantik pihak juru perunding bagi menjalankan kajian pemetaan cerun (*hazard mapping*) di kawasan Ulu Klang, termasuk di sebahagian besar bandar Kuala Lumpur.

Kajian tersebut telah dilaksanakan oleh juruperunding yang diketuai oleh Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. dengan kos sebanyak RM5.3 juta dan telah siap pada bulan Januari 2009. Tumpuan lokasi kajian tersebut melibatkan kawasan seluas 100km persegi, iaitu dari utara Taman Melawati ke Cheras Baru. Ia dilaksanakan menggunakan konsep pemetaan cerun-cerun bahaya secara *area based*. Laporan kajian berkenaan antara lain telah mengenal pasti dan memetakan sebanyak 405 cerun tanah, 82 cerun batu dan 77 struktur geoteknikal di kawasan Ulu Klang dan sebahagian kawasan di Kuala Lumpur. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 216 cerun memerlukan tindakan pembaikan dan pengukuhan cerun yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri menerusi pihak berkuasa tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan kajian IKRAM itu telah diserahkan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan yang terlibat pada tahun 2009 sebagai rujukan dan tindakan bagi perancangan dan kawalan pembangunan cerun di kawasan lokaliti masing-masing.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
(PULAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.03.2014

Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan langkah yang sudah diambil Kerajaan dalam melaksanakan sistem perakaunan akruan serta bagaimana sistem ini dapat memberikan manfaat kepada negara berbanding sistem sedia ada.

JAWAPAN

Langkah yang telah diambil Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan sistem perakaunan akruan mulai 1.1.2015 berdasarkan 4 strategi pelaksanaan adalah:-

1. Mengubal Piawaian Dan Polisi Perakaunan Akruan

- i. Mengadaptasi *International Public Sector Accounting Standard* (IPSAS) kepada *Malaysian Public Sector Accounting Standard* (MPSAS).
- ii. Polisi Perakaunan Akruan telah diluluskan Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan pada 9 Februari 2012(Pindaan 11 Februari 2014).

2. Mengkaji Dan Mencadang Pindaan Perundangan dan lain-lain Peraturan Kewangan dan Perakaunan

- i. Cadangan pindaan bagi Akta Acara kewangan 1957 telah dibentangkan di Mesyuarat Majlis Kewangan Negara pada 30 Julai 2013 dan dalam tindakan Jabatan Peguam Negara.
- ii. Garis Panduan perakaunan akruan berkaitan aset kerajaan dan inventori telah dikeluarkan. Garis Panduan akaun belum terima dalam tindakan penyediaan.
- iii. Cadangan pindaan Arahan Perbendaharaan sedang dalam kajian

3. Merekabentuk Dan Membangunkan Sistem Yang Berasaskan Perakaunan Akruan

- i. Sistem *1Government Financial Management Accounting System* (1GFMAS) yang berasaskan perakaunan akruan sedang dalam fasa pembangunan.
- ii. Aktiviti pengumpulan data baki awal aset dan liabiliti sedang dijalankan oleh

semua kementerian

4. Pembangunan Modal Insan dan Pengurusan Perubahan

- i. Melaksanakan program kesedaran dan latihan berkaitan perakaunan akruan bagi memastikan semua pihak yang terlibat bersedia menghadapi perubahan paradigma kearah perakaunan akruan.
- ii. Mewujudkan Bahagian Akaun di lima belas (15) Kementerian yang sebelum ini tidak mempunyai bahagian tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, manfaat perakaunan akruan berbanding sistem sedia ada adalah:-

- i. Memberi gambaran kedudukan kewangan Kerajaan yang lebih menyeluruh dan tepat merangkumi kedudukan aset dan liabiliti kerajaan yang tidak diambilkira dalam penyata kewangan asas tunai.
- ii. Meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti Kerajaan dalam pengurusan kewangan dan akaun;
- iii. Menambahbaik pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan melalui tadbir urus yang baik (*good governance*) serta menjurus kepada *value for money*;
- iv. Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Kerajaan dengan penjana laporan prestasi dan penyata kewangan secara lebih lengkap dan menyeluruh; dan

v. Pengukuran kesan polisi secara lebih efektif melalui pelaksanaan perakaunan pengurusan.

**PEMBERITAUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 17 MAC 2014

RUJUKAN : 6497

SOALAN:

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status operasi oleh Polis Diraja Malaysia bersama Imigresen untuk menangkap buruh asing tanpa permit. Beri statistik berkaitan tangkapan tersebut mengikut bilangan, jantina, negara asal dan sebagainya bagi setiap negeri. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap buruh asing tanpa permit yang ditangkap.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Operasi Penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia bersama Jabatan Imigresen Malaysia untuk menangkap buruh asing tanpa permit (PATI) akan dijalankan secara berterusan di seluruh negara. Operasi Penguatkuasaan yang menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru (NBOS) diterajui oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan dibantu oleh agensi-agensi penguatkuasa yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan lain-lain agensi. Bagi tempoh dari 1 September 2013 hingga 20 Januari 2014 iaitu melalui Ops 6P Bersepadu Fasa 1, sebanyak 2,405 operasi dipelbagai lokasi di seluruh negara seperti rumah kongsi, premis perniagaan, restoran, pusat hiburan tapak pembinaan, kilang dan lain-lain telah diadakan. 56,044 warganegara asing telah diperiksa, 17,455 PATI pelbagai warganegara telah ditangkap atas pelbagai kesalahan dan 234 majikan turut ditangkap.

Bagi tempoh dari 21 Januari 2014 hingga 28 Februari 2014 iaitu melalui Ops 6P Bersepadu Fasa 2, sebanyak 915 operasi dipelbagai sektor telah diadakan. 23,978 warganegara asing telah diperiksa, 6,293 PATI pelbagai warganegara telah ditangkap atas pelbagai kesalahan dan 69 majikan turut ditangkap.

Tuan Yang di-Pertua,

PATI yang telah ditangkap dalam tempoh tersebut iaitu 23,770 orang telah disiasat dan daripada hasil siasatan, seramai 17,654 orang PATI didakwa di Mahkamah mengikut kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan seperti kesalahan di bawah Seksyen 6(3) Akta Imigresen 1959/63 iaitu tiada passport atau dokumen, Seksyen 15(4) Akta Imigresen 1959/63 iaitu kesalahan tinggal lebih masa dan Peraturan 39(b) Peraturan-peraturan Imigresen 1963 iaitu melanggar syarat pas. Seramai 6,116 orang PATI telah dihantar pulang ke negara asal.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
KAWASAN : JELEBU
TARIKH : 17 MAC 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL (JELEBU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah semua kuarters Kerajaan yang didiami oleh kakitangan awam sama ada oleh anggota polis, tentera, guru, klinik desa dan lain-lain berada di bawah penyelenggaraan Kementerian ini dan nyatakan kekerapan jadual selenggaraan dan kos yang terlibat setiap tahun bagi tujuan ini untuk tempoh 5 tahun terakhir.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak semua rumah-rumah kediaman atau kuarters milik Kerajaan diselenggara oleh Kementerian ini. Setiap kementerian perlu menyediakan peruntukan penyenggaraan kuarters di dalam peruntukan tahunan masing-masing. Walau bagaimanapun kementerian ini melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) bersedia untuk melaksanakan penyenggaraan kuarters tersebut sekiranya peruntukan disalurkan ke Kementerian ini.

Pada masa ini Kementerian bertanggungjawab untuk menyelenggara 2,639 unit kuarters JKR yang melibatkan pelbagai kelas dengan peruntukan tahunan untuk tujuan penyenggaraan kuarters berkenaan ialah sebanyak RM10 juta.

Kerja-kerja penyelenggaraan ini akan dilaksanakan secara kekerapan rutin, berkala dan kerja-kerja kecemasan. Antara skop kerja terlibat ialah seperti pemotongan rumput, pendawaian semula, mengecat bangunan kediaman, rawatan kawalan serangga perosak, menaik taraf dan membaik pulih infra bangunan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN FONG KUI LUN**
KAWASAN : **BUKIT BINTANG**
TARIKH : **17.3.2014 (ISNIN)**
NO. SOALAN : **20**

Y.B. TUAN FONG KUI LUN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah sebab dasar automatif negara kurang memberi penekanan kepada pemasangan kereta oleh pengeluar-pengeluar asing di dalam negara sedangkan syarikat-syarikat pengeluar ini berjaya di negara jiran memandangkan syarikat pengeluar tempatan kurang berjaya memasarkan kenderaan negara ke negara luar.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bahawa dasar automotif negara kurang memberi penekanan kepada pemasangan kereta oleh pengeluar-pengeluar asing di dalam negara adalah tidak benar. Dasar Automotif Nasional (NAP) yang semakin liberal terhadap pengeluaran Lesen Pengilang baharu bagi pengeluaran "Energy Efficient Vehicle" (EEV) serta insentif-insentif yang diumumkan bagi aktiviti pemasangan kenderaan jelas membuktikan bahawa penekanan juga diberi kepada syarikat-syarikat pengeluar asing.

Pada masa ini, terdapat banyak syarikat pengeluar kenderaan global yang telahpun bertapak di Malaysia melalui syarikat usahasama dengan rakan perniagaan tempatan. Kemasukan pelaburan asing ini telah membantu mengukuhkan lagi pembangunan industri automotif tempatan, khususnya dengan kemasukan teknologi baharu dan terkini di samping banyak mewujudkan peluang perniagaan kepada syarikat-syarikat tempatan dan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SERI REEZAL MERICAN
[KEPALA BATAS]**

**TARIKH JAWAPAN : 17 MAC 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan statistik terkini pelaksanaan Feed-in Tariff (FIT) yang dipantau oleh SEDA setakat ini. Apa data terkini pelaksanaan sistem FIT individu / bukan individu mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Mekanisme Feed-in Tariff (FiT) telah dilaksanakan pada 1 Disember 2011 selaras dengan penguatkuasaan Akta TBB 2011. Sehingga 31 Januari 2014, sebanyak **2,760** permohonan dengan jumlah kapasiti sebanyak **536.07 MW** telah diluluskan. Daripada jumlah yang diluluskan, sebanyak **2,084** permohonan telah mencapai Tarikh Kuatkuasa Tarif Galakan dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak **163.19 MW**. Sebanyak 581 permohonan lagi dengan kapasiti **319.34 MW** masih dalam proses untuk mencapai Tarikh Kuatkuasa Tarif Galakan (FiTCD) dan beroperasi.
2. Statistik permohonan FiT mengikut negeri adalah seperti Jadual 1:-

JADUAL 1 MENUNJUKKAN STATISTIK FIT SEHINGGA 5 MAC 2013 MENGIKUT NEGERI

	BIOMASS				BIOGASS				SMALL HYDRO				SOLAR INDIVIDU				SOLAR NON INDIVIDU			
	Approved		FITCD		Approved		FITCD		Approved		FITCD		Approved		FITCD		Approved		FITCD	
	No of Application	Installed Capacity (MW)	No of Application	Installed Capacity (MW)	No of Application	Installed Capacity (MW)	No of Application	Installed Capacity (MW)	No of Application	Installed Capacity (MW)	No of Application	Installed Capacity (MW)	No of Application	Installed Capacity (MW)	No of Application	Installed Capacity (MW)	No of Application	Installed Capacity (MW)	No of Application	Installed Capacity (MW)
Sabah & WP Labuan																				
SABAH	0	0	3	35	0	0	0	#	0	0	2	6.5	0	0	0	0	0	0	0	0
W.P. LABUAN	0	0	0	0	0	0	0	#	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
TOTAL	0	0	3	35	0	0	0	#	0	0	2	6.5	0	0	0	0	0	0	0	0
Utara (Kedah, Perak, Perlis)																				
KEDAH	0	0	0	0	0	0	0	#	0	0	0	0	16	0	182	2.2	6	2.98	8	1
PERAK	2	17	0	0	1	1.2	0	#	7	58.1	0	0	51	0	201	1.8	10	6.64	6	3
PERLIS	0	0	0	0	0	0	0	#	0	0	0	0	0	0	12	0.1	4	6.5	2	6
TOTAL	2	17	0	0	1	1.2	0	#	7	58.1	0	0	67	1	395	4.2	20	16.1	16	#
Selatan (Johor, Melaka, Negeri Sembilan)																				
JOHOR	1	11	0	0	1	2	2	#	0	0	0	0	17	0	164	1.6	9	1.52	15	4
MELAKA	0	0	0	0	1	2	0	#	0	0	0	0	7	1	38	0.3	7	9.43	3	5
NEGERI SEMBILAN	2	14	1	7	5	4.1	0	#	0	0	0	0	12	0	128	1.1	8	12.8	11	#
TOTAL	3	25	1	7	7	8.1	2	#	0	0	0	0	36	1	330	3	24	23.8	29	#
Timur (Kelantan, Terengganu, Pahang)																				
KELANTAN	0	0	0	0	0	0	0	#	3	32	1	3.2	1	0	6	1.7	2	4	0	0
TERENGGANU	0	0	0	0	0	0	0	#	4	16.2	0	0	2	0	4	0	5	5.93	0	0
PAHANG	2	26	0	0	2	1.7	1	#	3	13	1	4	17	0	54	2.4	9	20.6	1	0
TOTAL	2	26	0	0	2	1.7	1	#	10	61.2	2	7.2	20	0	64	4.1	16	30.5	1	0
Tengah (Selangor, WP Kuala Lumpur)																				

	BIOMASS				BIOGASS				SMALL HYDRO				SOLAR INDIVIDU				SOLAR NON INDIVIDU			
	Approved		FITCD		Approved		FITCD		Approved		FITCD		Approved		FITCD		Approved		FITCD	
	No of Application	Installed Capacity (MW)	No of Application	Installed Capacity (MW)	No of Application	Installed Capacity (MW)	No of Application	Installed Capacity (MW)	No of Application	Installed Capacity (MW)	No of Application	Installed Capacity (MW)	No of Application	Installed Capacity (MW)	No of Application	Installed Capacity (MW)	No of Application	Installed Capacity (MW)	No of Application	Installed Capacity (MW)
SELANGOR	3	16	1	9	1	1	3	#	0	0	1	2	116	1	891	7.7	38	16	49	#
W.P. KUALA LUMPUR	0	0	0	0	0	0	0	#	0	0	0	0	39	0	189	1.3	4	0.68	15	0
TOTAL	3	16	1	9	1	1	3	#	0	0	1	2	155	1	1080	9.1	42	16.7	64	#
Pulau Pinang & WP Putrajaya																				
PULAU PINANG	0	0	0	0	1	2.4	0	#	0	0	0	0	40	0	183	1.4	12	1.97	11	1
W.P. PUTRAJAYA	0	0	0	0	0	0	0	#	0	0	0	0	0	0	4	0	0	0	0	0
TOTAL	0	0	0	0	1	2.4	0	#	0	0	0	0	40	0	187	1.4	12	1.97	11	1
TOTAL ALL	10	83	5	50	12	14	6	#	17	119	5	16	318	4	2056	22	114	89	121	#

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
(PERMATANG PAUH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.03.2014

Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan peningkatan kos barangan keperluan rakyat semasa dan apakah ukuran Kerajaan bahawa pemberian bantuan jangka pendek seperti BR1M benar-benar meringankan impak kenaikan kos hidup golongan berpendapatan rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian BR1M adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah dan mengimbangi kenaikan

harga barangan. Bantuan ini telah dapat meringankan beban rakyat dalam membantu mereka membeli barangan keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain. Disamping itu, terdapat penerima yang menggunakan bantuan tersebut sebagai modal bagi menjalankan perniagaan kecil-kecilan bagi pembelian perkakasan seperti peralatan memasak, membuat kuih dan pertukangan yang secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Bantuan BR1M yang diberikan adalah secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Malah, mereka yang telah menerima bantuan kebajikan sedia ada juga di beri bantuan BR1M. Kejayaan program BR1M adalah hasil kekukuhan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

Kerajaan telah meneruskan sekali lagi Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M 2014) pada tahun 2014 sebagai usaha untuk membantu

meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah serta selaras dengan peralihan kepada dasar pelaksanaan subsidi bersasar. Untuk BR1M 2014, beberapa kriteria telah ditambah baik merangkumi peningkatan nilai bantuan, pertambahan kategori dan juga pengenalan Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (i-BR1M). Kriteria bagi program BR1M 2014 telah ditambah baik adalah seperti berikut:

1. bagi kategori isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah, nilai bantuan ditingkatkan daripada **RM500 kepada RM650**
2. sebagai tambahan, kategori bantuan juga **diperluaskan** kepada isi rumah berpendapatan bulanan di antara **RM3,001 hingga RM4,000 dengan nilai bantuan RM450**
3. memperkenalkan **caruman i-BR1M** bernilai RM50 **kepada** penerima **isi rumah** BR1M dengan nilai **perlindungan maksimum sehingga RM30,000** sekiranya berlaku **kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh**.
 - i) Tempoh perlindungan i-BR1M adalah bermula dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014; dan
 - ii) Perlindungan takaful diberi kepada penerima isu rumah sahaja;

4. **warga emas sebatang kara** (berumur 60 tahun dan ke atas) menerima kenaikan jumlah BR1M iaitu daripada **RM500 kepada RM650** bagi yang berpendapatan dibawah RM3,000 dan turut menerima bantuan BR1M RM450 bagi yang berpendapatan antara RM3,001 hingga RM4,000.
5. bagi kategori **bujang** berumur 21 tahun dan ke atas berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah, bantuan ditingkatkan daripada **RM250 kepada RM300**.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [BUKIT KATIL]
TARIKH : 17 MAC 2014

SOALAN :

YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) kesan kebanjiran pendatang dan warga asing ke negara ini dari segi kesihatan; dan
- (b) bagaimana membendung perkara ini, dan apakah prosedur Kementerian gunakan supaya warga asing yang hadir ke negara ini bebas dari sebarang penyakit merebak atau merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua,

Kebanjiran warga asing terutama pendatang asing tanpa izin ke negara ini boleh menimbulkan beberapa kesan dari segi kesihatan seperti:

- i) Meningkatkan risiko penularan penyakit berjangkit eksotik, contohnya penyakit leishmaniasis;
- ii) Penularan berterusan jangkitan terkawal, contohnya penyakit kolera, malaria, tuberkulosis (TB), leprosi (kusta);
- iii) Kemasukan agen penyakit multi-resistan, contohnya TB dan malaria;
- iv) Kemunculan semula penyakit berjangkit yang telah dieliminasi seperti filariasis bancroftian (untut), leprosy (kusta) dan polio; dan
- v) Meningkatkan risiko kemasukan penyakit baru seperti Influenza A(H1N1), Influenza A (H5N1), Influenza A (H7N9) dan lain-lain.

Kebanjiran pendatang dan warga asing di semua fasiliti kesihatan kerajaan turut memberi kesan kepada perkhidmatan kesihatan kepada warganegara Malaysia serta peningkatan kos kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan pekerja asing yang hendak bekerja di Malaysia tidak membawa penyakit ke dalam negara adalah dengan menetapkan polisi agar semua warga asing yang ingin bekerja di Malaysia, dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan iaitu sebelum datang ke Malaysia dan

semasa berada di Malaysia. Polisi sedia ada adalah dengan menjalankan pemeriksaan perubatan di fasiliti kesihatan yang diiktiraf oleh pihak berkuasa di negara asal sebelum datang ke Malaysia. Bagi pekerja yang didapati layak untuk bekerja akan diberikan visa dengan rujukan oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Dalam tempoh sebulan ketibaan di Malaysia, mereka dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan untuk mengetahui status kesihatan dan mengesan penyakit yang tidak dapat dikesan semasa menjalani pemeriksaan perubatan di negara asal. Pekerja asing juga dikehendaki menjalankan pemeriksaan perubatan tahunan berdasarkan dasar kerajaan sedia ada. Pekerja asing yang gagal pemeriksaan perubatan akan diisytihar sebagai 'tidak sesuai' untuk bekerja dan pihak JIM tidak akan mengeluarkan pas lawatan (kerja sementara) untuk pekerja tersebut.

Selain dari melaksanakan polisi pemeriksaan perubatan pekerja asing sedia ada, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga giat menjalankan langkah-langkah pencegahan dan kawalan bagi memastikan tiada penularan penyakit di kalangan komuniti seperti berikut;

- i. KKM sentiasa peka dengan notifikasi penyakit berjangkit yang dilaporkan daripada pihak hospital dan klinik termasuk fasiliti kesihatan swasta dan notifikasi dari klinik panel FOMEMA (di semenanjung Malaysia), Growarisan Sdn. Bhd. (di negeri Sabah) yang menjalankan pemeriksaan perubatan pekerja asing dan bertindak segera bagi memastikan penyebaran

penyakit berjangkit dapat dicegah dan dikawal termasuklah kes yang berlaku di kalangan pendatang asing;

- ii. KKM sentiasa memperkukuhkan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit melalui surveilans penyakit yang berterusan, perkhidmatan saringan, diagnosa, rawatan dan pengurusan penyakit berjangkit dengan lebih berkesan ke seluruh Negara;
- iii. Selain itu, KKM juga giat menjalankan promosi kesihatan melalui pelbagai medium termasuk melalui media massa dan elektronik untuk semua termasuk rakyat tempatan dan warga asing bagi meningkatkan kesedaran tentang bahaya penyakit berjangkit serta langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil;
- iv. Pihak KKM telah mendapatkan kerjasama daripada agensi-agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan atau agensi bukan kerajaan dalam menangani isu ini bagi memastikan pengesanan awal, pencegahan dan kawalan penyakit dapat dilakukan dengan berkesan bagi mencegah penularan penyakit berjangkit; dan
- v. KKM juga telah mengukuhkan hubungan kerjasama dan mempertingkatkan aktiviti kesihatan awam seperti perkongsian maklumat, pemantauan, pencegahan dan kawalan penyakit secara bersama termasuklah di pintu masuk yang berjiranan melalui Mesyuarat Dua Hala dan Multilateral dalam bidang Kesihatan awam yang telah wujud di kalangan Negara-negara ASEAN dan Negara-negara berjiran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]**

TARIKH : 17 MAC 2014

RUJUKAN : 6499

SOALAN:

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan siasatan dan tangkapan yang dibuat oleh pihak polis terhadap ugutan bunuh yang dikenakan terhadap ADUN Machang Bubok Pulau Pinang dan Ahli Parlimen Seputeh baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis akan mengambil perhatian terhadap setiap laporan polis yang diterima tanpa mengira latar belakang seseorang pengadu. Siasatan dan tindakan yang sewajarnya akan diambil sekiranya didapati wujudnya elemen jenayah di dalam laporan polis tersebut.

Berkaitan laporan polis yang dibuat oleh Ahli Parlimen Seputeh atas ugutan ke atas dirinya sepertimana Tun H.S Lee Repot No 4416/14 bertarikh 5/2/2014 yang mana beliau menerima beberapa panggilan telefon dan sms berupa ugutan yang telah diterima melalui telefon bimbitnya. Pihak polis telah klasifikasikan kes tersebut di bawah Sek. 507 Kanun Keseksaan dan masih dalam siasatan.

Bagi kes melibatkan ADUN Machang Bubok Pulau Pinang, Pegawai daripada pejabat Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang telah membuat satu laporan polis sepertimana Machang Bubok Repot No 309/14, berkaitan satu ugutan yang telah diterima melalui sms berupa ugutan melalui telefon bimbit, terhadap ADUN tersebut. Kes ini telah diklasifikasikan di bawah Sek. 507 Kanun Keseksaan dan masih dalam siasatan.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Dato Sri Dr. Muhammad Leo
Michael Toyad Abdullah
[MUKAH]**

TARIKH : 17.03.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 17 25

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan sejauh mana pelaksanaan Pusat
Giat MARA yang baru di Mukah telah diusahakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

GIATMARA Mukah mula beroperasi pada Mei 1999 dengan menyewa bekas dewan serbaguna Kampung Penakub Hilir pada kadar RM 200 sebulan. GIATMARA ini menjalankan kursus Teknologi Kimpalan & Fabrikasi Logam dan Kursus Pendawaian Elektrik.

Bagi menyediakan sebuah Pusat GIATMARA di tapak kekal, MARA telah membuat pengambilan balik tanah di Lot 5907 Blok 48 berkeluasan 1.2182 ha sebagai tapak kekal GIATMARA dan dalam RMKe10, MARA telah membuat permohonan peruntukan pembangunan bagi pembinaan bangunan di atas tapak kekal tetapi tidak diluluskan pihak EPU dan MOF.

Walaupun bagaimanapun, MARA akan kemukakan semula permohonan dalam RMK-11 (2016-2020) bagi pembinaan bangunan baru di tapak kekal GIATMARA untuk memberikan satu pusat latihan yang kondusif kepada pelatih yang mengikuti latihan disamping penduduk setempat yang mahu mendapatkan kemahiran bagi pembangunan sosio ekonomi mereka.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]**
TARIKH : **17.3.2014**
SOALAN :

Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai semua syarikat yang menyertai sebut harga SPPBS, nilai sebut harga mereka serta sebab-sebab yang menyebabkan syarikat pemenang dipilih.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem aplikasi PBS (SPPBS) telah dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sendiri pada tahun 2011 dan kos yang terlibat hanyalah untuk hosting dan perkhidmatan internet sahaja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (TAHUN 2014)**

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Tuan William @ Nyallau anak Badak
[Lubok Antu]**

TARIKH : 17 Mac 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk memastikan proses pengambilan penjawat awam adalah telus.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sentiasa memberi peluang yang sama rata kepada semua calon yang memohon jawatan dalam perkhidmatan awam. Dalam memastikan ketelusan proses pengambilan penjawat awam, SPA melaksanakan kaedah pengambilan secara *MyRecruitment*.

Menerusi kaedah ini, calon-calon yang memohon sesuatu jawatan dalam perkhidmatan awam akan melalui proses penilaian yang komprehensif, dimana calon-calon perlu melepasi empat saringan iaitu tapisan awal, peperiksaan, penilaian kompetensi serta temu duga sebelum dilantik. Proses saringan dalam *MyRecruitment* dibuat secara berstruktur seperti berikut :

(i) **Tapisan Awal**

Calon yang mendaftar secara *online* dengan SPA akan ditapis permohonannya sama ada memenuhi syarat skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon;

(ii) **Peperiksaan**

Calon yang telah melepasi tapisan awal dikehendaki menduduki peperiksaan bagi menilai pengetahuan am, pengetahuan bidang yang dipohon, daya menyelesaikan masalah dan kemahiran bahasa. Selain peperiksaan ini, ujian sahsiah dan minat juga dijalankan;

(iii) **Penilaian Kompetensi (*Competency Assessment*)**

Calon yang berjaya melepasi tapisan peperiksaan akan melalui saringan ini. Saringan ini bertujuan mengukur kompetensi calon dari aspek *Attitude-Skill-Knowledge (ASK)* dengan tugas dan jawatan yang dipohon. Calon-calon akan dinilai dari segi kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Melayu dan Inggeris atau bahasa-bahasa lain yang diperlukan, serta penilaian kompetensi yang diperlukan seperti komitmen, disiplin, *teamwork* dan lain-lain; dan

(iv) **Temu Duga**

Saringan terakhir ini bertujuan menilai kesesuaian dan perwatakan calon dengan keperluan sesuatu jawatan di agensi tertentu. Temu duga ini akan menentu sahkan penilaian yang dibuat di peringkat saringan penilaian kompetensi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, SPA menganjurkan Seminar SPA *Outreach* : Tips dan Panduan Memasuki Perkhidmatan Awam kepada orang ramai di seluruh negara secara percuma. Seminar ini memberikan pendedahan awal dan panduan kepada calon-calon yang berminat untuk memohon jawatan dalam perkhidmatan awam. Antara yang ditekankan ialah persediaan menghadapi Peperiksaan, Penilaian Kompetensi (*Assessment Center*) dan Temu Duga memasuki Perkhidmatan Awam, di samping mengetahui prosedur urusan pengambilan yang dilaksanakan oleh SPA.

Selain daripada itu, seminar ini turut menjelaskan kaedah pengukuran yang digunakan oleh SPA dalam pemilihan calon yang layak berdasarkan kaedah *Competency Based Interview* (CBI). Berdasarkan CBI, sembilan (9) kriteria calon akan diukur semasa temuduga iaitu cepat, tepat, berintegriti, produktif, kreatif, berinovatif, kesetiaan kepada organisasi (*loyalty*), keterbukaan (*openness*) dan keupayaan untuk memudahcara (*facilitate*).

Hanya calon-calon yang memenuhi sembilan (9) kriteria ini sahaja yang akan ditawarkan ke perkhidmatan awam.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 17.03.2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) bilangan syarikat yang menandatangani Ikrar Integriti Koporat oleh SPRM; dan
- (b) berapa banyakkah anggapan rasuah melibatkan syarikat berkenaan dan apakah hukuman bagi syarikat-syarikat tersebut jika didapati melanggar aku janji tersebut.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Sehingga Februari 2014 sebanyak 396 syarikat/agensi seperti Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Industri Kecil dan Sederhana (SME), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Kementerian-kementerian, Agensi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Profesional telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP).

- b) Pelaksanaan CIP dibuat secara sukarela oleh syarikat. Penentuan syarat kelayakan syarikat menandatangani CIP tidak diasaskan kepada anggapan rasuah dalam syarikat. Sebaliknya, jika syarikat terbabit dengan siasatan jenayah rasuah, syarikat tidak dibenarkan untuk menandatangani CIP sehingga kes selesai disiasat. Ini bermakna syarikat yang hendak manandatangani CIP hendaklah bebas daripada siasatan rasuah ke atas Lembaga Pengarah (BOD) dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat.

Sehingga kini belum ada polisi yang menetapkan apa-apa hukuman yang boleh dikenakan kepada syarikat-syarikat yang didapati melanggar akujanji dalam CIP. Buat masa ini, akujanji yang dibuat adalah untuk syarikat melaksanakan inisiatif-inisiatif pencegahan rasuah melalui 5 prinsip yang telah diikrarkan.

Program CIP lebih kepada program penggalakan untuk syarikat sama-sama mendokong usaha pencegahan rasuah di Malaysia dan tindakan yang diambil merupakan tindakan dalaman syarikat. Sekiranya terdapat individu dalam syarikat melakukan jenayah rasuah, maka syarikat hendaklah melaporkan kepada SPRM untuk tindakan siasatan dan jika terbukti kesalahan dilakukan, tindakan undang-undang akan diambil ke atas individu tersebut.

Sekian, terima kasih

NO. SOALAN: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN
BAHAROM [KUBANG PASU]**

TARIKH : 17 MAC 2014

RUJUKAN : 6498

SOALAN:

Dato' Wira Mohd Johari Bin Baharom [Kubang Pasu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan supaya memberikan perhatian serius kepada penyalahgunaan daun ketum di kalangan masyarakat. Apakah ada usaha pihak KDN untuk memasukkan daun ketum di bawah Akta Dadah Berbahaya. Berapa bilangan mereka yang ditangkap dan didakwa dan apakah denda / hukuman yang telah dikenakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pokok ketum telah diisytiharkan sebagai bahan larangan mulai 1 Januari 2003 kerana ia mengandungi bahan psikoaktif iaitu *mitragynine* yang berupaya menjadikan seseorang itu berasa ketagihan. *Mitragynine* telah disenaraikan di bawah Jadual Ketiga, Akta Racun 1952 (Akta 366).

Kerajaan sedar bahawa gejala penyalahgunaan daun ketum di kalangan masyarakat menyamai gejala penyalahgunaan dadah yang turut menyumbang kepada jenayah-jenayah lain. Sehubungan dengan itu, Kerajaan sedang dalam usaha untuk mewujudkan satu undang-undang baru bagi memperketatkan lagi kawalan ke atas daun ketum. Akta Farmasi yang kini berada dalam peringkat akhir penyediaan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia akan mengandungi peruntukan berhubung kesalahan memiliki daun ketum, menanam pokok ketum serta larangan menggunakan premis untuk mengendalikan pokok ketum. Hukuman yang lebih berat iaitu denda yang lebih tinggi dan tempoh hukuman penjara yang lebih panjang juga akan dikenakan kepada mereka yang terlibat.

Bahagian Penguatkuasa Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan air daun ketum mulai tahun 2004 hingga

2007. Selepas tahun 2007, penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan daun ketum telah diambil alih oleh JSJN, PDRM memandangkan kes-kes ini turut melibatkan tangkapan penagih dan pengedar dadah.

Berdasarkan rekod JSJN, PDRM, sejumlah 6,534 orang telah ditangkap dari tahun 2009 sehingga bulan Januari 2014. Pecahan tangkapan mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	TANGKAPAN (orang)
2009	838
2010	1,040
2011	1,224
2012	1,445
2013	1,708
2014 (Januari)	279
JUMLAH	6,534

Berdasarkan rekod JSJN, PDRM juga, sejumlah 4,963 kes telah dibuka dan sejumlah 3,333 kes telah dituduh dari tahun 2009 hingga 2013. Pecahan kes dibuka dan dituduh adalah seperti berikut:

TAHUN	KES DIBUKA	KES DITUDUH
2009	703	500
2010	829	546
2011	934	629
2012	1,198	852
2013	1,299	806
JUMLAH	4,963	3,333

Di bawah Seksyen 30 (3) Akta Racun 1952 (Akta 366), sesiapa yang mengimport, mengeksport, mengeluarkan, memproses, memiliki, membekal atau menggunakan bahan psikoaktif yang tersenarai di bawah Jadual Ketiga adalah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan tidak melebihi empat (4) tahun atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 17 MAC 2014

RUJUKAN : 6500

SOALAN:

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan insiden pemimpin pemuda UMNO dan Perkasa menyerang pegawai Kerajaan Abu Hassan Omar, ketua Penolong Pegawai Daerah Barat Daya Pulau Pinang. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap UMNO, PERKASA dan PEKIDA yang selalu bertindak ganas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan insiden yang dinyatakan tersebut, satu laporan polis telah dibuat oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah, Barat Daya, Pulau Pinang iaitu Abu Hasan Bin Omar bersabit Telok Bahang Repot 46/2014 pada 21/01/2014. Berdasarkan laporan tersebut, pihak polis telah membuka kertas siasatan di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan dan Seksyen 323 Kanun Keseksaan. Siasatan polis telah selesai dan kertas siasatan telah diedarkan kepada Timbalan Pendakwa Raya pada 13 Februari 2014 dan pihak polis masih menunggu arahan lanjut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG

[SIBUTI]

TARIKH

17 MAC 2014

SOALAN

YB. Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-

- a) Butiran peruntukan yang disalurkan oleh pihak Kementerian untuk pembangunan infrastruktur fizikal dan program merangsang ekonomi pelancongan bagi kawasan Parlimen Sibuti pada tahun 2014; dan
- b) Apakah promosi pelancongan yang terdapat dalam kalendar pelancongan Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2014.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, telah memperuntukkan sebanyak RM 35.3 juta kepada Negeri Sarawak bagi projek pembangunan pelancongan dan, sebanyak RM 1.99 juta telah diperuntukkan untuk daerah Miri termasuk di kawasan Sibuti. Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM169.42 juta kepada Negeri Sarawak, sebanyak RM 1.13 juta bagi pembangunan pelancongan di Daerah Miri. Di bawah Projek *Walkabout* Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Negeri Sarawak, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri telah memperuntukkan sejumlah RM 5 juta bagi Projek Naiktaraf Kemudahan Pelancongan di Pantai Bungai, Parlimen Sibuti.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dengan kerjasama Tourism Malaysia, Kementerian Pelancongan Sarawak dan Sarawak Tourism Board akan melaksanakan pelbagai program dan acara bertaraf antarabangsa bagi menggalakkan pelancong berkunjung ke Sarawak khususnya sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 seperti Matta Fair Sarawak, Sarawak Food Trail, World Harvest Festival, Kuching Adventure Dive, Borneo Jazz Festival, 8th Miri City International Deep Sea Fishing Tournament 2014, Pesta Benak, Rainforest World Music Festival, Borneo

Cultural Festival, Expo Satok, Sarawak Regatta, Bintulu International Kite Festival, Asia Music Festival 2014 dan WAG Music Festival 2014.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 17 MAC 2014

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah isu sebenar berkaitan dengan pengintipan oleh Amerika Syarikat, Australia dan beberapa negara lain terhadap Malaysia seperti yang didedahkan oleh Edward Snowden dan apakah tindakan lanjut Kerajaan terhadapnya.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pada prinsipnya, Kerajaan menentang sebarang kegiatan pengintipan terhadap mana-mana negara kerana ia melibatkan soal kedaulatan negara.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah sewajarnya di antaranya adalah Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri telah menghantar nota bantahan kepada pejabat Kedutaan Amerika Syarikat (AS) dan Suruhanjaya Tinggi Australia di sini berhubung dakwaan pengintipan yang dilakukan di negara ini. Kerajaan turut dimaklumkan bahawa Presiden Amerika Syarikat Barack Obama telah mengarahkan satu kajian semula dilakukan terhadap semua kegiatan pengintipan oleh pihak negara itu.

Dari segi perlindungan maklumat-maklumat kritikal, Kerajaan telah menggubal Dasar Keselamatan Siber Negara (NCSP) pada tahun 2006 yang bertujuan untuk melindungi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (CNII). Dasar ini memfokuskan kepada penggunaan teknologi yang selamat ke arah penggunaan dan pengeluaran teknologi tempatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada teknologi-teknologi luar. Dasar ini turut menekankan aspek pembangunan keupayaan dalam bidang keselamatan siber, penyelidikan dan pembangunan serta inisiatif-inisiatif kesiapsiagaan dalam menghadapi ancaman siber. Kerajaan juga sedang melaksanakan inisiatif perlindungan maklumat elektronik ke atas agensi-agensi utama

kerajaan. Di samping itu, Kerajaan juga kini sedang membuat kajian mengenai keberkesanan Dasar ini dan akan menyemak semula Dasar tersebut agar merangkumi aspek perlindungan sempadan digital negara, pemeliharaan identiti nasional, budaya, sosial, perpaduan, pendidikan, kesedaran, keselamatan maklumat dan perlindungan ke atas aset kritikal negara.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin**
[Bukit Katil]
TARIKH : **17.03.2014**
SOALAN :

Y.B. Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kaedah penilaian pelajar yang digunakan di dalam sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) serta apakah PBS akan dikaji semula apabila ramai guru yang tampil membantah keberkesanan sistem ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) terdiri daripada dua kategori iaitu akademik dan bukan akademik. Kategori akademik terdiri daripada Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat (PP), manakala kategori bukan akademik terdiri daripada Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Akitviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK).

Pelaksanaan PBS bermula di Tahun 1 Sekolah Rendah, pada tahun 2011 dan Tingkatan 1, Sekolah Menengah pada tahun 2012. Walaupun pelaksanaannya belum lengkap satu kitaran, dapatan lawatan pemantauan dan kajian impak PBS pada 2012 menunjukkan bahawa guru lebih kreatif dalam pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran kerana tiada lagi tekanan peperiksaan. Murid

didapati lebih aktif dan kreatif selain daripada pembelajaran yang lebih seimbang kerana tidak lagi hanya berfokus terhadap pencapaian akademik semata-mata.

Walau bagaimanapun, KPM telah mengambil inisiatif meneliti semula pelaksanaan PBS dengan membuat kajian semula PBS mulai Februari 2014 sehingga penghujung Mac 2014. Dalam tempoh ini, pelaksanaan PBS ditangguhkan sehingga keputusan kajian semula selesai. Sementara itu, guru diminta memberi fokus pengajaran seperti biasa pada murid. YAB Menteri Pendidikan akan memaklumkan tindakan penambahbaikan berasaskan kepada keputusan kajian semula tersebut.

NO. SOALAN : 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 17 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butir-butir terperinci bil-bil elektrik dan air untuk kediaman rasmi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri untuk tahun 2013.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kompleks Seri Perdana yang dibina di atas tanah seluas 42.5 ekar adalah merupakan kediaman rasmi YAB Perdana Menteri manakala Kompleks Sri Satria pula yang di bina atas tanah seluas 18.16 ekar diperuntukkan sebagai kediaman rasmi YAB Timbalan Perdana Menteri.

Bersesuaian dengan taraf sebagai kediaman rasmi YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri, Kompleks Seri Perdana dan Kompleks Sri Satria turut dilengkapi dengan kemudahan ruang pejabat, bilik-bilik mesyuarat, bilik tetamu serta kemudahan-kemudahan sokongan yang lain bagi membantu melancarkan urusan harian YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri selaku pemimpin utama Negara.

Kompleks Seri Perdana dan Kompleks Sri Satria juga merupakan lokasi bagi penganjuran majlis-majlis rasmi Kerajaan, mesyuarat dan majlis meraikan tetamu kehormat serta pembesar negara mahu pun pemimpin tertinggi luar negara oleh YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri.

Selain itu, Kompleks Seri Perdana juga dibuka kepada orang Ramai untuk tujuan lawatan dan pembelajaran di blok protokol.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehubungan itu, bagi Kompleks Seri Perdana adalah sebanyak **RM2,084,218.80** dibelanjakan untuk pembayaran bil elektrik dan sebanyak **RM221,325.08** untuk bil air manakala bagi Kompleks Sri Satria adalah sebanyak **RM855,880.56** dibelanjakan untuk pembayaran bil elektrik dan sebanyak **RM112,274.92** untuk bil air sepanjang tahun 2013.

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin
Mohd Jarjis [ROMPIN]**

TARIKH : 17.03.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : ~~25~~ 35

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan:-

- (a) mengenai langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk membantu mewujudkan satu perkampungan Orang Asli yang bersepadu dengan prasarana yang sesuai bagi meningkatkan taraf kehidupan dan kesejahteraan mereka; dan
- (b) bagaimana usaha-usaha yang dilaksanakan di Rompin.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) amat prihatin terhadap pembangunan masyarakat Orang Asli secara keseluruhannya. Sebagai satu inisiatif kerajaan membawa transformasi kepada masyarakat Orang Asli satu Model Pembangunan Bersepadu di penempatan Orang Asli telah dibangunkan melibatkan kawasan penempatan Orang Asli di Sungai Siput, Perak. Pembangunan telah mula dilaksanakan pada tahun 2013.

Untuk makluman, antara komponen utama yang di dalam pembangunan bersepadu ini ialah pembangunan Mini RTC di Kampung Bawong yang menyediakan kemudahan Sekolah Menengah, masjid, pusat komersial, terminal pengangkutan dan sebagainya. Selain daripada itu, pembangunan juga ditumpukan kepada penyediaan rumah PBR, jalan perhubungan, bekalan air terawat, bekalan elektrik dan kemudahan-kemudahan lain di

kawasan perkampungan berhampiran. Pihak JAKOA bersama-sama agensi pembagunan tanah iaitu RISDA dan Lembaga Koko Malaysia juga telah merancang untuk membangunkan tanaman getah dan koko sebagai sumber pendapatan ekonomi penduduk kampung setempat.

Usaha-usaha untuk menangani masalah kekurangan kemudahan infrastruktur diperkampungan Orang Asli turut dipergiatkan bukan sahaja di dalam daerah Rompin malah diseluruh Semenanjung Malaysia. Daripada 852 perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia sebanyak 732 kampung iaitu 86 peratus telah disediakan akses jalan perhubungan yang sempurna, sebanyak 602 kampung iaitu 70.7 peratus telah mempunyai bekalan elektrik 24 jam dan sebanyak 677 kampung iaitu 79.5 peratus telah mempunyai kemudahan bekalan air terawat. Baki kampung-kampung yang belum menerima kemudahan jalan perhubungan, bekalan elektrik dan bekalan air terawat akan diteruskan secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2017.

Untuk makluman, pihak JAKOA juga telah membentangkan kertas cadangan bagi pelaksanaan Program Pembangunan Bersepadu di Perkampungan Orang Asli Semenanjung Malaysia kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang melibatkan keperluan kemudahan infrastruktur (jalan, elektrik dan PBR) diperkampungan Orang Asli dengan kos keseluruhan berjumlah RM760 juta. Di dalam permohonan tersebut turut disenaraikan juga keperluan kemudahan infrastruktur perkampungan Orang Asli di bawah Parlimen Rompin.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek-projek tersebut dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula dari tahun 2013 hingga tahun 2017. Walaubagaimanapun tertakluk kepada jumlah peruntukan yang diluluskan mengikut keutamaan dan keupayaan kewangan kerajaan pada masa ini. Pada tahun 2013 sejumlah RM21.1 juta telah diperuntukkan dan sebanyak RM70 juta lagi telah disalurkan pada tahun 2014.

Penyaluran peruntukan menerusi pelbagai program dan projek ini membuktikan bahawa pihak Kerajaan

begitu serius untuk membangunkan masyarakat Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia ini. Pihak Kementerian menerusi JAKOA perlu mengkaji serta meneliti keperluan projek/ program pembangunan masyarakat Orang Asli dari masa ke semasa dan melaksankannya mengikut keutamaan.

Isu-isu yang melibatkan masyarakat Orang Asli ini bukan sahaja tertumpu kepada usaha-usaha pembangunan infrastruktur di kawasan penempatan mereka, namun begitu fokus juga perlu diberikan kepada pembangunan modal insan termasuk pendidikan dan kemahiran serta pelaksanaan projek-projek ekonomi yang berupaya meningkatkan pendapatan masyarakat Orang Asli. Menerusi usaha-usaha kerajaan yang berterusan ini akan dapat memastikan bahawa kumpulan minoriti ini dapat bergerak seiringan dengan masyarakat umum di dalam arus perdana.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

**TARIKH JAWAPAN : 17 MAC 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan berapakah nilai deposit yang dipungut daripada pengguna TNB sehingga Disember 2013. Kenapa TNB tidak berusaha hendak memberi bonus kepada semua pengguna memandangkan pendeposit tidak boleh mengambil wang deposit selagi tidak menamatkan perkhidmatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Berdasarkan Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990 di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) dibenarkan untuk mengutip deposit sebanyak dua (2) bulan penggunaan elektrik pengguna. Jumlah ini dikira berdasarkan purata enam (6) bulan penggunaan elektrik oleh pengguna. Jumlah keseluruhan deposit tunai yang dipegang oleh TNB setakat 31 Disember 2013, adalah hampir RM3.350 bilion.

2. Ingin saya jelaskan di sini bahawa pihak TNB ada menyalurkan faedah daripada deposit yang dibayar oleh pengguna dalam bentuk rebat dalam bil elektrik pengguna. Rebate tahunan sebanyak 2.5% akan dikreditkan ke dalam akaun pengguna pada bulan Januari setiap tahun serta ia akan dikira secara purata dari tarikh bekalan elektrik mula disalurkan kepada premis pengguna. Pada tahun 2013, TNB telah memperuntukkan wang sebanyak RM77.715 juta untuk membayar rebat tersebut.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

3. Pengguna yang membayar deposit dalam bentuk tunai berjumlah RM 2,000 dan ke bawah sahaja yang akan menerima rebat manakala pengguna yang membayar deposit melebihi RM2,000 secara jaminan bank tidak akan menerima rebat tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.03.2014

Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status pengambilalihan AES serta berapakah harga yang ditawarkan Kerajaan dan asas bagi penilaian bagi harga tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, status pengambilan alih AES masih belum dimuktamadkan lagi kerana Kerajaan sedang dalam peringkat rundingan harga dengan dua syarikat pengendali sedia ada. Dalam

hubungan ini, Kerajaan komited dalam memastikan pengambilan alih AES ini dapat diselesaikan secara berhemah serta mencapai *win-win solutions* dan dalam masa yang sama tidak merugikan dan membebankan kewangan Kerajaan. Untuk itu, asas penilaian yang dibuat adalah berdasarkan kepada prinsip *fair and reasonable value* mengikut kaedah penilaian yang munasabah dan bersesuaian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM

TARIKH : 17 MAC 2014

SOALAN :

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah penciptaan alat-alat atau jentera terbaru untuk mengurangkan penggantungan kepada tenaga buruh dalam industri kelapa sawit dan getah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah dan akan memperkenalkan beberapa teknologi yang berpotensi untuk mengurangkan penggantungan kepada tenaga buruh dan meningkatkan produktiviti pengeluaran dalam industri sawit dan getah.

Bagi industri sawit, hasil daripada usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D), pelbagai teknologi kejenteraan ladang telah dikomersilkan oleh MPOB. Antaranya adalah mesin menuai bermotor yang dikenali sebagai *Cantas*. *Cantas* dapat menuai buah tandan sawit (BTS) sehingga ketinggian 15 kaki dan meningkatkan produktiviti pekerja tiga kali ganda. Untuk pengangkutan BTS, selain penggunaan traktor dan jentera tiga roda yang telah lama digunapakai oleh industri, MPOB juga telah memperkenalkan jentera dengan tayar trek, dinamakan 'Beluga' untuk mengangkut BTS di tanah gambut. Selain itu, jentera pacuan empat roda yang dinamakan '*Rhyno*' juga diperkenalkan untuk kawasan berteres serta tanah becak dan lembut. Penggunaan mesin dan jentera ini dapat mengurangkan penggunaan tenaga buruh dalam industri sawit negara.

Untuk meningkatkan penghasilan dan penggunaan peralatan mesin, terutamanya di ladang-ladang sawit, MPOB pada 4 Mac 2014 telah melancarkan Pertandingan Mekanisasi Sektor Sawit Antarabangsa (*International Competition on Oil Palm Mechanisation - ICOPM*). ICOPM

terbahagi kepada empat kategori ciptaan/inovasi iaitu, Teknologi Penuaian; Teknologi Pengutipan Buah Relai; Teknologi Pengangkutan Buah Tandan Segar; dan Teknologi Penjagaan Ladang dan menawarkan hadiah-hadiah wang tunai sebanyak RM500 ribu bagi setiap kategori. Di samping itu, hadiah istimewa sebanyak RM1 juta juga bakal menjadi milik pemenang keseluruhan yang mampu mencipta teknologi mekanisasi yang mampu merubah sektor sawit negara.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi industri getah pula, LGM sedang giat membangunkan teknologi yang berpotensi untuk mengurangkan penggantungan kepada tenaga buruh. Antaranya adalah seperti berikut:

i. Automated Rubber Tapping System (ARTS)

Mesin Torehan Automatik atau dikenali sebagai ARTS merupakan sebuah mesin yang dipasang pada pokok getah untuk menoreh secara automatik mengikut pengaturcaraan yang telah ditetapkan. Mesin ini telah direkabentuk dengan satu sistem kawalan elektronik untuk mengawal operasi mesin tanpa memerlukan kawalan secara manual; dan

ii. SOFIL: Mesin Mengisi Tanah dalam Polibeg

Mesin Pengisi Tanah atau SOFIL adalah sebuah mesin yang mengendalikan pengisian polibeg secara automatik. Biasanya

seorang pekerja mahir yang bekerja lapan jam sehari hanya mampu untuk mengisi 300 polibeg berbanding 3,000 polibeg pada masa yang sama dengan menggunakan SOFIL. Ia secara langsung dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh. Mesin ini akan menjadi penyelesaian kepada peningkatan produktiviti tanaman, penyediaan bahan tanaman dan juga memastikan konsistensi bahan tanaman yang dibekalkan.

Pembangunan prototaip komersil bagi ARTS dan kajian penggunaan SOFIL di nurseri-nurseri komersil sedang giat dijalankan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN
(KAMPAR)**

**TARIKH : 17.03.2014
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada Kerajaan bersedia mempertimbangkan tambahan bantuan kewangan tahunan atau bulanan kepada 234,000 bekas-bekas tentera yang tidak berpencen dalam meringankan beban belanja mereka menghadapi kenaikan harga barang-barang keperluan dan perkhidmatan kebelakangan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan buat masa ini tidak berhasrat untuk memberi peruntukan tahunan atau bulanan kepada veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang menamatkan perkhidmatan kurang daripada tempoh 21 tahun bagi anggota lain-lain pangkat (LLP) dan 20 tahun bagi pegawai (tertakluk umur persaraan). Sekiranya mereka dhaif dan tiada mata pencarian maka mereka layak untuk mendapat bantuan di bawah Skim Bantuan Sara Hidup JHEV.

Bagi meringankan bebanan sara hidup yang semakin meningkat, pelbagai bentuk kemudahan serta bantuan telah disediakan untuk veteran ATM tidak berpencen.

Sebagai veteran ATM, mereka layak mendapat pelbagai faedah perubatan yang disediakan oleh Kerajaan seperti rawatan di Institut Jantung Negara (IJN), rawatan kepakaran di hospital swasta, bayaran balik bagi rawatan, rawatan hemodialisis, peralatan pesakit dan perubatan.

Selain itu, Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan untuk veteran ATM telah diwujudkan untuk meringankan beban hidup mereka dan tanggungannya berdasarkan Paras Garis Kemiskinan (PGK). Ini termasuklah skim Bantuan Sara Hidup, Bantuan Persekolahan, Bantuan Kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi, Bantuan Peralatan Pesakit dan Bantuan Bencana Alam. Setiap veteran ATM dan tanggungannya adalah layak untuk memohon dan dipertimbangkan untuk bantuan-bantuan tersebut.

Veteran ATM juga turut dibantu dari segi kerjaya dan sosio ekonomi bagi memastikan kelangsungan hidup sebaik tamat perkhidmatan. Antara bantuan yang disediakan adalah taklimat-taklimat persediaan persaraan, penjodohan pekerjaan, Klinik Khidmat Nasihat dan latihan yang bersesuaian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L
R. SANTIAGO [KLANG]**

TARIKH : 17 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Charles Anthony a/l R. Santiago [Klang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status kini dalam realisasikan pembinaan dua loji tenaga nuklear. Adakah pihak Kerajaan telah mengenal pasti lokasi-lokasinya dan adakah Kementerian merancang untuk mengadakan perundingan awam di kawasan-kawasan ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan masih sedang melaksanakan satu siri kajian terperinci untuk mengenalpasti pelbagai keperluan dan persediaan awal negara, sekiranya projek loji janakuasa nuklear dilaksanakan. Kajian yang sedang dilaksanakan ini adalah berdasarkan kepada Projek Permulaan, atau, dengan izin, *Entry Point Project* (EPP), kesebelas di bawah sektor Minyak, Gas dan Tenaga (OGE) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP). EPP11 ini mencadangkan dua (2) buah loji janakuasa nuklear dengan keupayaan 1000 Megawatt (MW) setiap satu.

Sehingga kini, kajian menyeluruh mengenai kesediaan infrastruktur perundangan dan kawalseliaan nuklear negara telah disiapkan pada Disember 2013, dan hasil kajian sedang diteliti oleh Kerajaan.

Kajian Kemungkinan (*Feasibility Study*), termasuk penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear (*Nuclear Power Infrastructure Development Plan* (NPIDP)), sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada penghujung tahun 2014, kecuali kajian penilaian tapak loji janakuasa nuklear.

Usaha untuk mengenalpasti atau menubuhkan suatu entiti tujuan khas [*Special Purpose Vehicle* (SPV)] bagi memiliki dan mengendalikan loji janakuasa nuklear pula sedang diteliti secara amnya.

Pada masa ini, kajian penilaian tapak loji janakuasa nuklear belum dilaksanakan. Oleh itu, lokasinya juga belum diputuskan. Apabila kajian penilaian tapak dilaksanakan, maklumbalas daripada masyarakat setempat di sekitar tapak berkenaan akan dijalankan berdasarkan kepada perundangan, peraturan dan garis panduan yang sedia ada, khususnya peraturan dan garis panduan Penilaian Terperinci Impak Alam Sekitar, atau, dengan izin, *Detailed Environmental Impact Assessment* (DEIA), dan Penilaian Impak Sosial, atau, dengan izin, *Social Impact Assessment* (SIA).

Namun, program penyebaran maklumat mengenai penjana kuasa nuklear untuk kesemua pihak berkepentingan, dengan izin, *stakeholders*, pada peringkat kebangsaan, akan dilaksanakan terlebih dahulu. Program ini juga termasuk tinjauan pendapat umum yang komprehensif dan dijangka akan dimulakan pada pertengahan tahun 2014.

Sekian. Terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH
[KUALA TERENGGANU]

TARIKH : 17 MAC 2014

SOALAN :

Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan secara terperinci proses kilang Eastern Steel dari Negara China di Teluk Kalong, Kemaman Terengganu dan adakah segala syarat-syarat kajian EIA (*Environmental Impact Assessment*) diluluskan sepenuhnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kilang Eastern Steel adalah merupakan sebuah kilang bersepadu besi dan keluli dengan kapasiti pengeluaran besi dan keluli sebanyak 5 juta tan metrik setahun. Kilang ini sedang dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap pada pertengahan tahun ini dan akan beroperasi pada tahun 2015.

Laporan *Detailed Environmental Impact Assessment* Terperinci (DEIA) bagi projek ini telah diterima pada 4 November 2009 dan telah diluluskan pada 27 Januari 2010 dengan syarat-syarat kelulusan yang perlu dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 17 MAC 2014

RUJUKAN : 6502

SOALAN:

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kuarters kakitangan Kerajaan di bawah Kementerian yang tidak diduduki di seluruh negara sehingga sekarang. Apakah cadangan untuk baik pulih kuarters kakitangan kerajaan yang tidak selamat diduduki serta usang di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat sebanyak 6,941 unit kuarters kakitangan Kerajaan yang tidak diduduki dari keseluruhan kuarters berjumlah 69,683 unit di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini pihak Kementerian telah melaksanakan kerja-kerja ubahsuai kuarters PDRM dari 2 bilik ke 3 bilik. Di samping itu, penyelenggaraan berkala oleh pihak PDRM mengikut peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]

TARIKH : 17 MAC 2014

SOALAN :

TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kekerapan kapal perang asing menceroboh EEZ Malaysia terutama di Laut China Selatan sejak tahun 2005 hingga 2014, dan apakah pendirian Malaysia terhadap pencerobohan kapal perang China ke *James Shoal*, EEZ Malaysia pada 26 Januari 2014.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak 2011, pencerobohan kapal perang Republik Rakyat China (RRC) dalam kawasan perairan negara di Laut China Selatan berlaku hampir sekali setiap tahun. Pada 2013, berlaku peningkatan pencerobohan oleh aset-aset RRC yang tertumpu di kawasan Beting Patingi Ali (BPA), Beting Raja Jarom (BRJ) dan Beting Serupai (*James Shoal*), kesemuanya dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia (ZEE). Sepanjang 2013 hingga Februari 2014, tujuh (7) pencerobohan dikesan yang melibatkan 16 buah aset-aset tentera laut atau *People's Liberation Army Navy (PLAN)* dan *China Maritime Surveillance (CMS)* RRC.

Kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai keselamatan dan kedaulatan negara di Laut China Selatan. Dalam hubungan ini, sukacita memaklumkan bahawa Pasukan Keselamatan khususnya Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa melaksanakan rondaan dan pengawasan maritim secara berterusan dalam kawasan perairan negara di Laut China Selatan. Sebagaimana yang diketahui, Laut China Selatan adalah *semi-enclosed sea* yang dituntut oleh beberapa buah negara iaitu Brunei, Republik Rakyat China (RRC) (termasuk Taiwan), Malaysia, Filipina dan Vietnam. Dalam hubungan ini, pendirian negara berhubung dengan tuntutan bertindih di Laut China Selatan adalah:

Pendirian Pertama :

Malaysia berpendirian bahawa pertikaian yang berbangkit daripada tuntutan bertindih di Laut China Selatan wajar diselesaikan secara aman melalui perbincangan, dialog dan perundingan yang melibatkan negara-negara menuntut, atau *Claimant States*;

Pendirian Kedua :

Laut China Selatan dikelolakan *governed* di bawah perundangan antarabangsa khususnya, *United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS) 1982 dan negara-negara yang menuntut telah menandatangani dan meratifikasi Konvensyen ini. Dengan demikian, Kerajaan berpendirian penyelesaian terbaik kepada pertikaian ini hendaklah berlandaskan undang-undang antarabangsa UNCLOS 1982; dan

Pendirian Ketiga :

Penyelesaian melalui arbitrase atau pihak ketiga boleh dirujuk kepada sebagai contoh Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau *International Court of Justice* (ICJ); Tribunal Antarabangsa Mengenai Undang-Undang Laut (*International Tribunal on the Law of the Sea* (ITLOS)) atau mana-mana Tribunal Timbang Tara. Walau bagaimanapun, Kerajaan pada ketika ini tidak bercadang untuk merujuk pertikaian tuntutan bertindih di Laut China Selatan melalui mana-mana pihak ketiga.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO DR. WAN MOHAMMAD
KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD
(KUALA KANGSAR)**

**TARIKH : 17.03. 2014
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah strategi Kerajaan di dalam memastikan kokurikulum yang dilaksanakan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) kekal relevan di dalam pembangunan generasi yang matang, bijak, berdisiplin dan berjati diri tinggi bagi menghadapi cabaran masa depan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian dan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) sentiasa menyelaras dan memperkenalkan modul terkini mengikut keperluan semasa. Ia merangkumi kaedah pelaksanaan PLKN yang lebih dinamik dan progresif bagi memastikan PLKN terus kekal relevan dan seterusnya memaksimumkan potensi generasi muda melalui pendekatan pelaksanaan transformasi PLKN yang lebih segar dan dekat dengan generasi muda. JLKN berperanan menentukan sebarang program dan modul yang ditawarkan dalam PLKN dapat memberi nilai yang maksimum kepada pelatih sepanjang pelaksanaan PLKN dan juga menepati objektif pelaksanaan PLKN itu sendiri.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sedang merangka pelan bagi melaksanakan transformasi PLKN sebagaimana diumumkan baru-baru ini. Satu Jawatankuasa akan ditubuhkan untuk menilai keberkesanan Pelan Transformasi PLKN tersebut. Ianya akan merangkumi kaedah pelaksanaan PLKN yang lebih dinamik dan progresif bagi memastikan

PLKN terus kekal relevan dan seterusnya memaksimumkan potensi generasi muda melalui pendekatan pelaksanaan transformasi PLKN yang lebih segar dan dekat dengan generasi muda.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG
(GELANG PATAH)

TARIKH : 17.03.2014
(ISNIN)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada semua tuduhan *court martial* terhadap juruterbang RMAF Mejar Zaidi Ahmad berkaitan dengan kemelut dakwat kekal dalam PRU ke-13 akan digugurkan dan Mejar Zaidi diberi penghormatan sebagai seorang rakyat teladan dan bukannya dihukum.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kes Mejar Zaidi Ahmad TUDM masih dalam perbicaraan mahkamah tentera.

Sehubungan dengan itu, semua pihak dipohon untuk menghormati sistem keadilan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan membenarkan *due process of law* (dengan izin) dilaksanakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 17.03.2014

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan senarai semua pelaburan yang telah dibuat 1MDB setakat ini sejak ditubuhkan secara terperinci, dengan memberi butiran aset/*instrument* yang dibeli, dari siapa aset/*instrument* dibeli, tarikh dibeli, kos pembelian dan jika dijual (tarikh dijual, jumlah urusan/pelupusan/penjualan dan pembeli).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak ditubuhkan pada tahun 2009, 1MDB telah memenuhi obligasi

jadual pembiayaan kewangannya dengan baik. Kedudukan kewangan 1MDB terus kukuh, disokong oleh aset-aset strategik yang mempunyai rekod prestasi yang baik di samping mempunyai peluang pertumbuhan yang utuh seperti aset *Independent Power Producers* (IPP) dan aset hartanah strategiknya.

Disamping itu, 1MDB menerajui projek jangka panjang untuk meneroka peluang ke atas pelaburan dan kepakaran antarabangsa bagi melabur dalam projek yang mempunyai nilai penganda yang tinggi dan berinovasi. Antara pelaburan yang sedang dijalankan 1MDB adalah seperti berikut:

i. Tun Razak Exchange

Tun Razak Exchange direka bentuk bagi memenuhi keperluan masa depan. Projek yang dianggarkan bernilai RM26 bilion dan mempunyai jangka masa pembinaan selama 15 tahun ini mempunyai visi untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hab kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya global.

ii. **Pembangunan Semula Pangkalan Udara Kuala Lumpur Kepada Bandar Malaysia**

Bandar Malaysia adalah satu projek pembangunan bersepadu untuk memajukan semula tanah Lapangan Terbang Sungai Besi yang akan menjadi ikon kepada kelestarian kehidupan di bandar Kuala Lumpur. Sebahagian daripada projek ini diperuntukkan untuk Projek Perumahan Mampu Milik khusus kepada kumpulan eksekutif muda yang bekerja di kawasan bandar.

iii. **Sektor Tenaga**

Sektor tenaga juga merupakan salah satu sektor fokus 1MDB pada masa ini. 1MDB telah membeli aset-aset tenaga Tanjong Energy Holdings, Genting Sanyen pada tahun 2012 dan Jimah Energy Ventures Sdn Bhd pada tahun 2013.

Sebagai syarikat hibrid milik kerajaan, 1MDB boleh memanfaatkan perkongsian awam-swasta dinamik bagi mengukuhkan lagi bekalan tenaga dengan mewujudkan pasaran yang lebih kompetitif seperti yang disarankan dalam Dasar

Tenaga Baru.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN MOHAMED HANIPA MAIDIN**
KAWASAN : **SEPANG**
TARIKH : **17.3.2014 (ISNIN)**
NO. SOALAN : **47**

Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA MAIDIN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:

- a) berapakah jumlah wang yang diberikan oleh Kerajaan kepada PROTON di bawah *Industry Linkage Programme* (ILP) bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D); dan
- b) mengapakah sehingga kini PROTON masih belum berupaya mengeluarkan reka bentuk, *chassis* dan enjinnya sendiri meskipun dibantu oleh Kerajaan melalui bantuan kewangan dan membayar duti eksais yang rendah.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Industrial Linkage Programme (ILP) bukanlah bantuan kewangan bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Sebaliknya, ILP ini diwujudkan sebagai satu instrumen untuk membantu industri automotif tempatan mengekalkan daya saingnya berikutan proses liberalisasi yang dilaksanakan oleh Kerajaan seperti pembukaan pasaran di bawah Dasar

Automotif Nasional (NAP) dan pengurangan atau penghapusan duti import di bawah pelbagai perjanjian perdagangan bebas (Free Trade Agreement - FTA).

Melalui ILP, pengurangan ke atas nilai duti eksais diberikan berdasarkan aktiviti nilai tambah tempatan yang dijalankan oleh syarikat pengeluar kenderaan. Ia bukan hanya diberikan kepada syarikat-syarikat kenderaan nasional, malah terbuka kepada kesemua syarikat pengeluar kereta dan motosikal yang menjalankan aktiviti pengilangan atau pemasangan kenderaan di Malaysia. Oleh yang demikian, PROTON tidak menerima sebarang bantuan kewangan bagi tujuan R&D di bawah program ILP.

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa PROTON masih belum berupaya untuk mengeluarkan reka bentuk, *chassis* dan enjinnya sendiri, ia adalah tidak benar. Untuk makluman, PROTON memiliki kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang lengkap dan komprehensif, terutamanya dalam beberapa kepakaran penting seperti platform kenderaan, kejuruteraan enjin, ujian dan homologasi serta keupayaan reka bentuk.

Selain itu, PROTON adalah satu-satunya syarikat di rantau ini yang memiliki keupayaan sepenuhnya untuk mereka bentuk serta membuat sebuah kereta dengan lengkap. Proses ini bermula dengan perancangan produk serta reka bentuk kreatif di mana konsep dicipta, lukisan lakar dihasilkan dan model direka bentuk. Antara model-model yang dibangunkan sepenuhnya oleh PROTON adalah Persona, Exora, Preve dan Suprima S.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]**
TARIKH : **17.3.2014**
SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan asas-asas utama yang ditekankan bagi menggubal silibus pendidikan peringkat pra-sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah mula dilaksanakan pada tahun 2010 di semua agensi pelaksana pendidikan prasekolah. Pendidikan prasekolah bertujuan memperkembangkan potensi kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat, serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Ini adalah untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri kanak-kanak agar mereka berjaya dalam persekitaran sedia ada dan bersedia untuk menangani cabaran dan tanggungjawab di sekolah rendah kelak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KSPK memberi penekanan terhadap pencapaian 4M kepada murid prasekolah, iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul. Asas-asas utama kurikulum ini digubal berteraskan kepada enam (6) Tunjang iaitu, Tunjang Komunikasi; Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai; Tunjang Ketrampilan Diri; Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika; Tunjang Sains dan Teknologi; dan Tunjang Kemanusiaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 17.03.2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengikut pecahan jumlah wang rasuah terlibat dalam setiap kes:-

- (a) bilangan kes yang disiasat oleh SPRM setiap tahun bagi lima tahun yang lepas; dan
- (b) bilangan pendakwaan, dan bilangan sabitan yang berjaya mengikut setiap kategori amaun wang rasuah tersebut.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak SPRM mula beroperasi pada Januari 2009, sebanyak 5517 kertas siasatan (KS) telah dibuka.

a) Bagi tahun 2009, daripada 939 KS dibuka, 633 berjaya diselesaikan dalam tempoh 12 bulan. Baki 306 adalah KS yang dibuka pada penghujung 2009 dimana siasatannya masih diteruskan dalam tahun 2010 dan dalam lingkungan belum melebihi setahun.

Bagi tahun 2010, daripada 1,220 KS dibuka, 900 berjaya diselesaikan dalam tempoh 12 bulan. Baki 320 adalah KS yang dibuka pada penghujung 2010 dimana siasatannya masih diteruskan dalam tahun 2011 dan lingkungan belum melebihi setahun.

Bagi tahun 2011, daripada 1,304 KS dibuka, 967 berjaya diselesaikan dalam tempoh 12 bulan. Baki 337 adalah KS yang dibuka pada penghujung 2011 dimana siasatannya masih diteruskan dalam tahun 2012 dan lingkungan belum melebihi setahun.

Bagi tahun 2012, daripada 1,078 KS dibuka, 811 berjaya diselesaikan dalam tempoh 12 bulan. Baki 267 adalah KS yang dibuka pada penghujung 2012 dimana siasatannya masih diteruskan dalam tahun 2013 dan lingkungan belum melebihi setahun. Manakala bagi tahun 2013, sebanyak 976 KS telah dibuka.

b) Bilangan sabitan bagi kes-kes yang didakwa bagi tahun 2009 ialah sebanyak 94 kes dengan jumlah denda sebanyak RM 2,169,922.50. Pada tahun 2010, sebanyak 309 kes sabitan dengan jumlah denda sebanyak RM 9,495,555.00. Manakala tahun 2011 menunjukkan peningkatan jumlah sabitan iaitu sebanyak 388 kes dengan jumlah denda RM 10,872,145.00. Bagi tahun 2012, kes sabitan adalah sebanyak 339 dengan jumlah denda RM 14,570,799.00. Bagi tahun

2013, memperlihatkan sebanyak 265 kes disabitkan dengan jumlah RM 11,567,130.00.

Dalam tempoh tersebut, nilai denda atas kes-kes yang telah disabitkan ialah sejumlah RM 48,675,551.50.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said**
[Pengerang]
TARIKH : **17.03.2014**
SOALAN :

Y.B. Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah universiti swasta yang menubuhkan kampus di Malaysia dan berapakah jumlah pelajar-pelajar dari luar negara yang menghadiri universiti-universiti sepenuh masa dan/atau separuh masa ini pada tahun 2013; dan
- (b) apakah kelulusan untuk pelajar tempatan memasuki universiti swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2014, terdapat lapan (8) buah institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) bertaraf Kampus Cawangan Universiti Luar Negara yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), iaitu:
 - i. University of Nottingham Malaysia;
 - ii. Monash University Malaysia;
 - iii. Curtin University of Technology Sarawak;

- iv. Swinburne University of Technology Sarawak Campus;
- v. Newcastle University Medicine Malaysia;
- vi. University of Southampton Malaysia Campus;
- vii. Heriot-Watt University Malaysia; dan
- viii. University of Reading Malaysia.

Data sehingga 31 Disember 2013 menunjukkan enrolmen pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian sepenuh masa di IPTS adalah seramai 94,281 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 70,114 orang pelajar di peringkat universiti, 5,293 orang pelajar di kolej universiti, 3,656 orang pelajar di kampus cawangan luar negara dan 15,218 orang pelajar di kolej.

- (b) Syarat umum kelayakan masuk ke program-program pengajian tinggi di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) adalah berdasarkan kepada lapan (8) tahap kelayakan di dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF) yang menyediakan laluan pendidikan kepada tiga (3) sektor pendidikan tinggi negara, iaitu Sektor Kemahiran, Sektor Vokasional dan Sektor Akademik. Syarat umum kelayakan masuk adalah mengikut tahap pengajian berikut:
- i. *Foundation* / Matrikulasi / Asasi;
 - ii. Sijil (Tahap 3);
 - iii. Diploma (Tahap 4);
 - iv. Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6);
 - v. Ijazah Sarjana (Tahap 7); dan
 - vi. Ijazah Kedoktoran (Ph.D) (Tahap 8).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya sesuatu program melibatkan badan profesional maka syarat kelayakan masuk ke program tersebut adalah di bawah bidang kuasa badan profesional yang berkenaan. Namun begitu, sekiranya terdapat bidang pengajian yang

mempunyai Standard Program maka syarat kelayakan masuk pelajar hendaklah dirujuk kepada Standard Program tersebut.

Rjm28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

**TARIKH JAWAPAN : 17 MAC 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada syarikat 1MDB telah dianugerahkan konsesi penjanakuasa "Projek 3B" walaupun harga yang ditawarkan, 25.65 sen setiap kWh adalah lebih tinggi. Apakah sebab keputusan tersebut sedangkan Jawatankuasa Penilaian Teknikal Suruhanjaya Tenaga telah memilih tawaran 25.23 sen sebagai tawaran yang terbaik.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

2. Suruhanjaya Tenaga telah memilih Konsortium 1MDB-Mitsui yang menawarkan tawaran tarif sebanyak 25.33 sen sebagai pembida yang berjaya dalam bidaan Projek 3B berasaskan faktor-faktor berikut:

- (i) Syarikat 1MDB telah mematuhi kesemua kriteria penilaian yang ditetapkan dalam *Request For Proposal (RFP)* serta menawarkan teknologi komponen-komponen utama loji janakuasa seperti *steam generator*, *steam turbin* dan *generator* yang terbukti dan telah beroperasi secara komersial;
- (ii) *Levelised tariff* yang kedua terendah pada kadar 25.33 sen/kWj iaitu perbezaan sebanyak 0.21 sen/kWj dengan Pembida yang menawarkan harga yang kompetitif tetapi gagal mematuhi kriteria teknikal;
- (iii) Kos projek/MW yang terendah pada RM5.406 juta/MW; dan

(iv) Kadar kecekapan *thermal* loji janakuasa yang tinggi, iaitu pada 39.54% (berdasarkan *higher heating value – HHV* bahan bakar arang batu).

3. Walaupun Konsortium YTL-SIPP telah menawarkan tarif yang terendah, adalah didapati bahawa ianya tidak mematuhi kriteria teknikal yang ditetapkan di dalam *Part 2* dalam dokumen RFP iaitu **spesifikasi *steam generator*** untuk loji janakuasa yang ditawarkan hendaklah **berasaskan *proven technology*** yang telah **beroperasi secara komersial pada *steam conditions*** yang dicadangkan.

4. Berdasarkan penilaian yang terperinci yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Tenaga, pihak 1MDB-Mitsui telah dipilih sebagai *Preferred Bidder* bagi melaksanakan projek loji janakuasa berasaskan arang batu dengan kapasiti 2 x 1000MW di Mukim Jimah, Negeri Sembilan, dengan kadar tarif 25.33 sen/kWj untuk memulakan operasi komersial pada 1 Oktober 2018 dan 1 April 2019.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]**

TARIKH : 17 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN

YB Dato' Hasbullah bin Osman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah pembinaan High Speed Railway (HSR) dapat memberi kesan terhadap ekonomi Negara serta hubungan diplomatik antara Malaysia dan Singapura dan apakah kesan pembinaan HSR terhadap perkhidmatan keretapi (KTM) dan perkhidmatan penerbangan antarabangsa KLIA di Malaysia.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. *High Speed Rail* (HSR) dijangka dapat menjadi pemangkin ekonomi negara pada masa hadapan, di samping menggalakkan aktiviti perniagaan antara bandar-bandar di sepanjang jajaran. Industri-industri utama yang dijangka menerima manfaat daripada pembangunan projek HSR ini termasuklah sektor pelancongan, hartanah, perkilangan dan lain-lain.
2. Inisiatif pembinaan HSR ini juga merupakan satu perkembangan strategik dalam hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura yang akan meningkatkan jaringan hubungan antara kedua-dua buah negara selaras dengan kesepakatan ASEAN untuk mengukuhkan kesalinghubungan ASEAN (*ASEAN Connectivity*). Selain akan membuka satu era baru bagi pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh, ia dilihat dapat merapatkan hubungan antara rakyat kedua-dua negara.
3. Perkhidmatan HSR dijangka melengkapinya dan bukan sebagai saingan kepada jaringan pengangkutan rel di kawasan Selatan Semenanjung Malaysia. Bandar-bandar yang sebelum ini tidak mendapat perkhidmatan KTM berkemungkinan akan menikmati perkhidmatan HSR. Berdasarkan contoh-contoh antarabangsa, HSR dijangka akan memberi impak kepada hasil pendapatan daripada

perkhidmatan udara antara Kuala Lumpur dan Singapura. Walaubagaimanapun, syarikat-syarikat penerbangan dunia secara lazimnya telah berjaya menyesuaikan strategi perniagaan secara lebih kreatif untuk menangani situasi tersebut, seperti menggunakan strategi “*code share*” antara syarikat HSR and syarikat penerbangan bagi meluaskan lagi rangkaian perkhidmatan yang ditawarkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]**
TARIKH : **17.03.2014**
SOALAN :

Y.B. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah perlakuan buli di sekolah-sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat memandang serius terhadap kes buli, dan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 8/2010 iaitu Garis Panduan Mencegah Dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid Di Sekolah. KPM juga mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menangani masalah perlakuan buli di sekolah-sekolah, antaranya;

- a) Mewujudkan Jawatankuasa Disiplin Sekolah yang perlu diaktifkan sepenuhnya agar dapat menyiasat, meneliti serta mengambil tindakan segera terhadap setiap aduan yang dibuat oleh murid atau pihak berkepentingan;
- b) Memberi Bimbingan dan Kaunseling secara berterusan kepada murid yang terlibat.

- c) Mengadakan peti aduan murid atau saluran-saluran aduan murid secara berkesan di sekolah dan asrama.
- d) Menghapuskan budaya-budaya tertentu oleh murid yang berlawanan dengan prinsip-prinsip pendidikan, akhlak dan usaha memupuk budi pekerti yang baik dalam kalangan murid sekolah.
- e) Melaksanakan aktiviti orientasi atau suaikenal terhadap murid baru, yang berada di bawah kawalan guru sepenuhnya.
- f) Mengadakan kempen dan penjelasan terhadap kesan perbuatan ala samseng, buli dan jenayah lain secara berterusan dan melibatkan pihak luar seperti PDRM, PIBG dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

Sekiranya terdapat murid-murid yang melanggar peraturan dan terlibat dengan perbuatan buli, antara tindakan yang dilakukan oleh KPM ialah;

- a) Amaran keras (perlu tandatangan surat aku janji).
- b) Dilarang menggunakan kemudahan sekolah atau asrama atau mengambil bahagian dalam program atau aktiviti sekolah untuk suatu tempoh tertentu.
- c) Dikenakan hukuman rotan tidak melebihi 3 kali.
- d) Digantung persekolahan (selama tempoh tidak melebihi 14 hari).
- e) Buang sekolah.

NO. SOALAN : 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]

TARIKH : 17 MAC 2014

SOALAN :

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Suruhanjaya Siasatan Diraja Mengenai Pemandang Asing (RCI) di Sabah selesai menyediakan laporannya.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan RCI Sabah tersebut perlu dibentangkan terlebih dahulu kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebelum diumumkan kepada mana-mana pihak. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya tersebut akan mendapatkan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terlebih dahulu sebelum membentangkan hasil siasatannya di dewan yang mulia ini.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO. : 55

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
[PASIR PUTEH]

TARIKH : 17 MAC 2014

SOALAN :

Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada pihak Kementerian ada membuat kajian dan perancangan untuk mengawal kemasukan makanan-makanan dan tumbuhan yang ada modifikasi genetik.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan produk makanan atau pertanian yang telah diubah suai secara genetik ke negara ini dikawal selia di bawah Akta Biokeselamatan 2007. Akta ini telah berkuat kuasa mulai 1 Disember 2009 dan terletak di bawah tanggungjawab Jabatan Biokeselamatan (JBK) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Akta ini memperuntukkan hanya produk "*genetically modified organism*" (GMO) yang telah diluluskan oleh Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan sahaja dibenarkan dibawa masuk ke Malaysia untuk dipasarkan sama ada bagi tujuan makanan, makanan haiwan atau pemprosesan. Kelulusan oleh Lembaga ini adalah setelah mengambil kira penilaian risiko saintifik yang dibuat oleh Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian Genetik, ulasan agensi Kerajaan yang berkaitan serta input daripada orang awam.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 17 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sudah mempunyai draf undang-undang Hudud dan adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan undang-undang Hudud dalam masa terdekat ini serta nyatakan kekangan serta halangan yang menyebabkan perlaksanaan undang-undang Hudud di negara ini tertangguh.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari kesesuaian syariah Islam untuk digunapakai dalam semua zaman, tempat dan keadaan. Secara asasnya, kanun jenayah Syariah terbahagi kepada tiga iaitu hudud, qisas dan takzir. Ianya bertujuan untuk menjaga prinsip perundangan Islam iaitu agama, nyawa,

akal fikiran, keturunan dan harta benda. Dan segi segi istilah, hudud ditakrifkan sebagai keseksaan yang telah ditetapkan oleh nas-nas Al-Quran dan As Sunnah yang wajib dilaksanakan sebagai hak Allah S.W.T. Kadar hukumannya tidak boleh dipinda sama ada dikurang atau ditambah. Jenis-jenis jenayah hudud ialah zina, qazaf, minum arak, mencuri, merompak dan murtad.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah yang serius bagi menangani permasalahan yang berlaku di negara ini khususnya kejadian jenayah melalui pelbagai usaha termasuklah melalui mekanisma perundangan. Undang-undang yang berkuat kuasa pada masa ini seperti Kanun Keseksaan (Disemak-1997) [Akta 574], Akta Dadah Berbahaya 1952 (Disemak-1981) [Akta 234], Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37] diwujudkan bagi membantu Kerajaan dalam menjamin keamanan negara. Oleh yang demikian, walaupun ia tidak dinamakan undang-undang Islam, ia boleh dikuatkuasakan ke atas semua lapisan masyarakat dan diyakini mampu menangani masalah jenayah yang berlaku sekaligus menjamin keamanan negara.

Di samping itu, berdasarkan Fasal (2) Perkara 74 dan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, undang-undang Islam diletakkan di bawah bidang kuasa negeri. Kuasa negeri, berkenaan dengan pewujudan dan penghukuman kesalahan terhadap perintah agama Islam hanya terpakai bagi orang yang menganut agama Islam sahaja dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Persekutuan.

Dalam hal ini, berdasarkan seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355], bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah di negara ini adalah terhadap kepada hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit dan sebatan yang tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut.

Kerajaan telah selesai meneliti cadangan pindaan untuk meningkatkan had hukuman yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah Syariah melalui pindaan kepada Akta 355 tersebut. Menerusi pindaan yang dicadangkan, had bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman akan diperluaskan dan dipertingkatkan sesuai dengan maqasid Syariah.

Kerajaan juga terus berusaha untuk memartabatkan pelaksanaan undang-undang Islam ini dengan menaik taraf sistem kehakiman Syariah di negara ini juga. Mahkamah Syariah akan dinaik taraf daripada tiga (3) peringkat mahkamah kepada lima (5) peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri dan Majlis Rayuan Syariah. Kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah juga akan disemak semula dan dinaik taraf.

Komitmen Kerajaan dalam hal ini adalah jelas dan ia memerlukan sokongan padu dari semua pihak bagi memastikan usaha ini dapat dijayakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.03.2014

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan sebab kejatuhan matawang RM pada tahap paling rendah dalam sejarah Malaysia ke tahap RM2.62 berbanding dollar Singapura, kesannya kepada ekonomi Malaysia dan berapa banyak dibelanjakan untuk memperkukuhkan nilai RM.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, semenjak 21 Julai 2005, ringgit beroperasi di bawah sistem kadar pertukaran apungan terurus

(*managed float*) berbanding dengan sekumpulan mata wang rakan perdagangan utama negara. Ini lebih mencerminkan sifat hubungan dagangan negara yang pelbagai.

2. Walaupun nilai ringgit menyusut sebanyak 12.8% berbanding dolar Singapura, ringgit telah meningkat sebanyak 15.9% berbanding dengan dolar AS dan meningkat secara purata sebanyak 9.2% berbanding dengan mata wang sepuluh rakan dagangan[1] utama negara pada tempoh yang sama.

3. Kedudukan ringgit ditentukan oleh kuasa pasaran. Dalam jangka masa pendek, pergerakan ringgit ditentukan oleh sentimen pasaran terhadap perkembangan global dan domestik. Memandangkan sentimen pasaran mudah berubah, kadar pertukaran akan naik atau turun pada jangka masa pendek. Manakala, untuk jangka masa panjang, trend asas pergerakan ringgit mencerminkan asas-asas ekonomi negara.

4. Bank Negara Malaysia (BNM) tidak mempunyai sebarang sasaran

tahap bagi kadar pertukaran ringgit. Walau bagaimanapun, memandangkan pergerakan kadar pertukaran jangka pendek yang tidak menentu, BNM akan terus memastikan bahawa keadaan di pasaran pertukaran asing kekal teratur. Pasaran pertukaran asing ringgit yang lebih mendalam dan liberalisasi akaun kewangan telah membolehkan pepadanan permintaan dan penawaran ringgit yang lebih baik. Ia juga telah menyediakan ruang untuk perlindungan nilai (*hedging*) terhadap risiko kadar pertukaran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' IR. HAJI NAWAWI AHMAD**
KAWASAN : **LANGKAWI**
TARIKH : **17.3.2014 (ISNIN)**
NO. SOALAN : **58**

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI AHMAD minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi menurunkan harga kereta sebanyak 20-30 peratus dalam masa 5 tahun seperti yang dijanjikan dalam manifesto Pilihan Raya Umum ke-13 yang lalu.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan di dalam manifesto PRU-13 telah berjanji untuk melaksanakan penurunan harga kereta secara berperingkat antara 20 hingga 30 peratus dalam tempoh lima tahun sehingga 2017.

Harga kereta adalah ditentukan oleh syarikat-syarikat pengeluar dan pemasang kenderaan berdasarkan faktor pasaran seperti harga komponen CKD yang diimport dan juga diperolehi dari pasaran tempatan, kadar

tukaran mata wang asing, kos pengangkutan, insurans, kadar faedah pinjaman dan kos-kos lain.

Oleh yang demikian, Kerajaan terus berbincang dengan syarikat-syarikat pengeluar kereta untuk melaksanakan penurunan harga kereta di antara 20-30 peratus secara berperingkat sehingga tahun 2017 selaras dengan manifesto Kerajaan, melalui:

- (i) penambahbaikan kecekapan operasi oleh syarikat-syarikat pengeluar dan pemasang kereta tempatan bagi mengurangkan kos pengeluaran mereka; dan
- (ii) liberalisasi pasaran di bawah perjanjian perdagangan bebas (Free-Trade Agreement - FTA) yang turut meningkatkan persaingan kepada pengeluar-pengeluar dan pemasang kereta tempatan.

Melalui perbincangan ini, beberapa syarikat telahpun mula menurunkan harga kereta melalui strategi pemasaran masing-masing iaitu:

- (i) penurunan harga semasa pengenalan model/varian baharu; dan
- (ii) penukaran operasi daripada pengimportan CBU kepada pemasangan tempatan (CKD).

Selain itu, terdapat juga syarikat-syarikat yang memperkenalkan program promosi dan rebat yang bersifat sementara. Antara program yang ditawarkan termasuklah pemberian insurans dan bayaran cukai jalan, baucer petrol, pemberian 5 tahun servis percuma dan waranti.

Selain penurunan harga kereta oleh syarikat pengeluar kereta, Kerajaan melalui Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 yang diumumkan pada 20 Januari 2014 juga bersetuju untuk mengkaji sistem percukaian ke atas kenderaan sekiranya keadaan kewangan negara bertambah baik untuk turut membantu dalam usaha menepati janji PRU-13.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 17 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN :

YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan dan peratusan keluarga berpendapatan rendah kurang daripada RM1,500 sebulan. Adakah golongan ini menjadi batu penghalang untuk mengecilkan jurang pendapatan dan memenuhi idaman kita menjadi negara berpendapatan tinggi.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (PPIR) 2012 yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, dianggarkan seramai 860,100 atau 13.5 peratus isi rumah berpendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua,

Golongan ini mempunyai potensi untuk maju selaras dengan matlamat negara berpendapatan tinggi. Namun demikian, mereka memerlukan sokongan bagi meningkatkan kapasiti dan kapabiliti serta perlindungan daripada keadaan sosioekonomi yang tidak menentu untuk mengekalkan kualiti hidup mereka. Bagi tujuan ini, Kerajaan melaksanakan pelbagai program lain seperti program pendidikan dan latihan, keusahawanan, program bantuan rumah, saham amanah dan sebagainya.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 17 MAC 2014

RUJUKAN : 6504

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik bagi tahun 2012 dan 2013 kes keganasan rumah tangga, rogol, cabul kehormatan, sumbang mahram (*incest*) dan liwat mengikut pecahan negeri, serta umur dan jantina kedua-dua mangsa dan si pelaku.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kes-kes jenayah rogol, inces, mencabul kehormatan, gangguan seksual dan keganasan rumahtangga meliputi semua lapisan masyarakat di Malaysia. Pihak PDRM sentiasa memandang serius kes-kes seumpama ini yang berlaku dan sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan dengan kerjasama masyarakat untuk mengekang jenayah ini dari terus berlaku.

Statistik Kes Keganasan Rumahtangga, Rogol, Cabul Kehormatan, Sumbang Mahram (INCEST) dan Liwat Mengikut Pecahan Negeri Dari Tahun 2012 hingga 2013 seperti berikut:-

NEGERI	KEGANASAN RUMAHTANGGA		ROGOL		CABUL KEHORMATAN		INCEST		LIWAT	
	2012	2013	2012	2013	2012	2013	2012	2013	2012	2013
PERLIS	100	91	44	47	31	29	3	4	5	5
KEDAH	165	288	293	236	117	119	35	16	11	14
P/PINANG	230	240	125	117	110	90	6	9	9	13
PERAK	315	344	188	160	123	119	22	19	18	18
SELANGOR	436	512	430	402	336	364	42	31	21	34
K/LUMPUR	271	243	135	144	188	161	7	11	11	25
N/SEMBILAN	352	503	173	170	129	133	19	15	22	17
MELAKA	80	95	95	110	62	70	7	9	12	11
JOHOR	350	583	510	458	280	262	55	29	19	23
PAHANG	208	165	220	195	91	94	25	20	8	9
TERENGGANU	138	178	155	128	44	55	15	11	7	1
KELANTAN	349	413	241	228	106	70	17	22	6	8
SABAH	214	231	226	225	135	100	30	35	6	9
SARAWAK	280	237	163	147	51	64	19	18	3	2

Statistik Kes Keganasan Rumahtangga Mengikut Pecahan Jantina dan Umur Mangsa dan si Pelaku Dari Tahun 2012 hingga 2013.

a) Mangsa

JANTINA

JANTINA	2012	2013
LELAKI	930	1068
PEREMPUAN	2558	3055
J U M L A H	3488	4123

UMUR

UMUR	2012	2013
BAWAH 25 TAHUN	725	824
26 - 35 TAHUN	1183	1443
36 - 45 TAHUN	750	884
46 TAHUN KE ATAS	830	972
J U M L A H	3488	4123

b) Pelaku

UMUR

UMUR	2012	2013
BAWAH 25 TAHUN	645	831
26 - 35 TAHUN	1564	1802
36 - 45 TAHUN	850	1038
46 TAHUN KE ATAS	535	573
J U M L A H	3594	4244

Statistik Kes Rogol Mengikut Pecahan Umur dan Jantina Mangsa dan si Pelaku Dari Tahun 2012 hingga 2013.

a) Mangsa

PECAHAN UMUR MANGSA :-

UMUR	2012	2013
Bawah 6 tahun	26	24
6 - 9 tahun	55	42
10 - 12 tahun	121	110
13 - 15 tahun	1,349	1,248
16 - 18 tahun	749	687
Atas 18 tahun	698	656
JUMLAH	2,998	2,767

b) Pelaku

PECAHAN UMUR SUSPEK :-

UMUR	2012	2013
Bawah 18 tahun	639	591
Atas 18 tahun	3,293	2,912
JUMLAH	3,932	3,503

Statistik Kes Cabul Kehormatan Mengikut Pecahan Umur dan Jantina Mangsa dan si Pelaku Dari Tahun 2012 hingga 2013.

a) Mangsa

PECAHAN UMUR MANGSA :-

UMUR	2012	2013
Bawah 16 tahun	604	620
16 - 18 tahun	216	201
Atas 18 tahun	983	909
JUMLAH	1,803	1,730

PECAHAN JANTINA MANGSA :-

JANTINA	2012	2013
Lelaki	28	36
Perempuan	1,775	1,694
JUMLAH	1,803	1,730

b) Pelaku

PECAHAN UMUR SUSPEK :-

UMUR	2012	2013
Bawah 18 tahun	221	166
Atas 18 tahun	1,685	1,678
JUMLAH	1,906	1,844

Statistik Kes Incest Mengikut Pecahan Umur dan Jantina Mangsa dan si Pelaku Dari Tahun 2012 hingga 2013.

a) Mangsa

PECAHAN UMUR MANGSA :-

UMUR	2012	2013
Bawah 6 tahun	6	6
6 - 9 tahun	22	20
10 - 12 tahun	32	39
13 - 15 tahun	118	96
16 - 18 tahun	55	49
Atas 18 tahun	69	39
JUMLAH	302	249

b) Pelaku

PECAHAN UMUR SUSPEK :-

UMUR	2012	2013
Bawah 18 tahun	30	24
Atas 18 tahun	291	236
JUMLAH	321	260

Statistik Kes Liwat Mengikut Pecahan Umur dan Jantina Mangsa dan si Pelaku Dari Tahun 2012 hingga 2013.

a) Mangsa

PECAHAN UMUR MANGSA :-

UMUR	2012	2013
Bawah 16 tahun	104	111
16 - 18 tahun	7	18
Atas 18 tahun	47	60
JUMLAH	158	189

PECAHAN JANTINA MANGSA :-

JANTINA	2012	2013
Perempuan	73	89
Lelaki	85	100
JUMLAH	158	189

b) Pelaku

PECAHAN UMUR SUSPEK :-

UMUR	2012	2013
Bawah 16 tahun	21	39
16 - 18 tahun	12	18
Atas 18 tahun	133	178
JUMLAH	166	235

PECAHAN JANTINA SUSPEK :-

JANTINA	2012	2013
Perempuan	1	4
Lelaki	165	231
JUMLAH	166	235

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Puan Rubiah binti Haji Wang
[Kota Samarahan]**

TARIKH : 17 Mac 2014 (Isnin)

SOALAN : 61

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam memberi kemudahan yang lebih baik kepada pengguna pengangkutan air di Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Secara amnya kemudahan infrastruktur pengangkutan air di sungai-sungai Sarawak disediakan dan dikawal selia oleh Kerajaan Negeri Sarawak melalui Lembaga Sungai-Sungai Sarawak.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Laut Malaysia sentiasa bekerjasama dengan Lembaga Sungai-Sungai Sarawak dalam memastikan pengusaha feri dan bot penumpang yang menjalankan perkhidmatan di sungai-sungai Sarawak mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

Dalam hubungan ini, Jabatan Laut Malaysia mengambil beberapa inisiatif dalam memastikan keselamatan pengangkutan air seperti:

- i. menganjurkan kempen keselamatan untuk mendidik dan menyedarkan pengguna dan operator feri tentang kepentingan keselamatan feri serta aspek-aspek yang bersangkutan dengannya;
- ii. memastikan feri dan bot penumpang membawa bilangan penumpang bertepatan dengan Sijil Penumpang yang dikeluarkan oleh JLM kepada feri atau bot penumpang berkenaan;

- iii. melaksanakan pemeriksaan bagi memastikan feri dan bot penumpang dilengkapi peralatan keselamatan yang telah ditetapkan seperti jaket keselamatan dan alat pemadam api;
- iv. memeriksa dokumen-dokumen keselamatan sebelum feri dan bot penumpang dibenarkan belayar; dan
- v. melaksanakan pemeriksaan berkala (tahunan) ke atas feri dan bot penumpang yang beroperasi bagi memastikannya adalah layak layar (*seaworthy*).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 17 MAC 2014

SOALAN :

YB DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebab pelantikan Penolong Pendaftar Pemilih (ARO) di kalangan parti politik sudah tidak dibuat sedangkan parti politik mampu mendapatkan pemilih baru dengan jumlah yang besar berbanding dengan Penolong Pendaftar Pemilih daripada sektor lain.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak membenarkan Penolong Pendaftar Pemilih (Parti Politik) membuat pendaftaran pemilih baru sekiranya tempoh pelantikannya telah tamat.

Buat masa ini, tiada pelantikan baru dibuat oleh SPR setelah tempoh pelantikan Penolong Pendaftar Pemilih (Parti Politik) sedia ada tamat. Ini adalah bertujuan untuk membolehkan SPR membuat penyelarasan terhadap pelaksanaan kaedah-kaedah pendaftaran sedia ada.

Walau bagaimanapun, individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di Kuanter Pendaftaran Pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri, Pejabat-Pejabat Pos yang terpilih serta kaunter-kaunter bergerak SPR di seluruh negara.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
(SEKIJANG)

TARIKH : 17.3.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 63

Y.B Tuan Anuar bin Abd. Manap minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kerajaan menggalakkan perniagaan dan keusahawanan sebagai satu kerjaya pilihan bagi golongan graduan dan belia:-

- a) apakah program khusus yang disediakan Kementerian bagi tujuan ini; dan
- b) berapakah jumlah dana yang disediakan bagi membantu usahawan muda.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), melaksanakan program khusus bagi menggalakkan dan membantu usahawan siswazah iaitu melalui kursus Skim Usahawan Siswazah (SUS), yang bermatlamat

untuk menggalakkan serta meningkatkan penglibatan siswazah dan golongan belia dalam bidang perniagaan. Program SUS dilaksanakan secara berpakej dengan Tabung Usahawan Siswazah (TUS) bagi menampung mereka yang berkelayakan mendapatkan modal memulakan perniagaan secara pinjaman mudah.

Komponen pertama SUS iaitu kursus Latihan Asas Keusahawanan, dilaksanakan oleh INSKEN dengan kerjasama empat (4) buah universiti tempatan yang mempunyai kepakaran dalam bidang keusahawanan. Universiti-universiti tersebut ialah Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK). Manakala komponen yang kedua pula iaitu pembiayaan Tabung Usahawan Siswazah (TUS) disediakan melalui SME Bank secara pinjaman mudah.

Bagi tempoh 1998 sehingga 2013, seramai 10,648 peserta telah menyertai program Latihan SUS. Sepanjang tempoh kursus, para peserta telah didedahkan dengan modul-modul teknik penyediaan Rancangan Perniagaan mengikut format SME Bank untuk melayakkan mereka memohon pembiayaan TUS serta menilai peluang-peluang perniagaan mengikut tren perniagaan semasa.

Tuan Yang Di-Pertua,

Tabung Usahawan Siswazah (TUS) diwujudkan bertujuan untuk menggalakkan para siswazah dan golongan muda memilih bidang perniagaan sebagai kerjaya pilihan. Di bawah RMKe-8, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM39.4 juta untuk Tabung TUS dan tambahan sebanyak RM25 juta di bawah RMKe-9. Pada tahun 2014,

sebanyak RM50 juta peruntukan tambahan telah diluluskan oleh Kerajaan bagi menampung tabung berkenaan yang menjadikan jumlah keseluruhan tabung sebanyak RM114 juta.

Pembiayaan tabung TUS adalah untuk membantu golongan siswazah/belia memulakan atau mengembangkan perniagaan. Pembiayaan meliputi perolehan harta tetap atau modal kerja, atau kedua-duanya sekali. Tabung TUS boleh dipohon bagi mereka yang berniaga dalam bidang-bidang perniagaan yang berpotensi, mendapat galakan Kerajaan dan berdaya saing. Walau bagaimanapun, tabung ini tidak membiayai sektor pertanian, penternakan, hartanah, insurans, perlombongan, *cyber cafe* dan pusat hiburan.

Semenjak 2005 hingga Disember 2013, sebanyak RM117.08 juta pembiayaan telah diluluskan di bawah Skim ini yang melibatkan 863 perusahaan milik usahawan siswazah. Pengurusan tabung adalah secara ulang guna (*revolving fund*).

Bagi golongan belia pula, mulai tahun 2013, SME Bank telah diberi tanggungjawab oleh Kerajaan bagi membantu golongan belia yang layak untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan dengan kelulusan dana sebanyak RM50 juta. Dana tersebut iaitu Dana Usahawan Muda (*Young Entrepreneur Fund*) diperkenalkan khusus untuk golongan belia yang berumur 18 hingga 30 tahun. Pewujudan dana ini merupakan salah satu strategi berterusan Kerajaan dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan belia di Malaysia. Di bawah dana berkenaan, yang dilancarkan pada pertengahan bulan Februari 2013, SME Bank telah meluluskan pinjaman kepada 228 usahawan belia dengan nilai pembiayaan sebanyak hampir RM20 juta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17 MAC 2014 (ISNIN)

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI
MOHAMAD [LIPIS]

SOALAN :-

Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pelan tindakan untuk memastikan perniagaan kecil dijalankan oleh rakyat tempatan dan bukannya dimonopoli oleh rakyat asing yang jelas kelihatan terutama di kawasan bandar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telahpun menetapkan peraturan pengeluaran permit perniagaan hendaklah dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja. Pemilik permit disyaratkan berada di tempat berniaga sepanjang masa. Tindakan membatalkan permit tersebut **boleh** diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke atas warganegara Malaysia yang memindah milik permit perniagaan mereka kepada warga asing atau tidak menjalankan sendiri perniagaan tersebut.

KPKT telah mengeluarkan peringatan kepada semua PBT pada 11 Februari 2014 agar tapak penjaja tidak disewa/ dijual kepada warga negara asing.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

SOALAN NO : 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN GOOI HSIAO-LEUNG
[ALOR SETAR]
TARIKH : 17 MAC 2014
SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada terdapat siasatan atas kelambatan ketibaan ambulan setelah satu panggilan kecemasan dibuat kepada Hospital Sultanah Bahiyah, yang mengakibatkan kematian Tan Ming Shen (14 tahun), di Alor Setar pada 15 Februari 2014, akibat daripada kehilangan darah.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia amat prihatin berhubung kes kematian Tan Ming Shen pada 15 Februari 2014. Berikutan kejadian tersebut jawatankuasa siasatan telah dibentuk dan siasatan telah dilakukan.

Berdasarkan siasatan yang telah dilakukan, panggilan kecemasan diterima pada 0026H, 15 Februari 2014, ambulan mula keluar ke tempat kejadian pada 0027H, 15 Februari 2014 dan tiba di tempat

kejadian pada 0040H, 15 Februari 2014. Masa yang diambil untuk ambulan tiba ke tempat kejadian adalah 13 minit selepas panggilan kecemasan diterima di mana tempoh ini adalah menepati piawaian yang telah ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 17 MAC 2014 (ISNIN)
DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]

SOALAN :-

Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah banjir kilat yang sering kali melanda kawasan-kawasan bandar negeri Sabah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), ada menyalurkan peruntukan di bawah Projek Pembangunan BP 1, iaitu melibatkan pembinaan dan menaiktaraf sistem perparitan dan longkang di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Untuk negeri Sabah, pada tahun 2013, peruntukan sebanyak RM5,917,853.13 telah diluluskan bagi melaksanakan 76 projek membina dan menaiktaraf sistem perparitan di negeri tersebut.

Kejadian banjir kilat boleh juga dielakkan sekiranya langkah-langkah berikut diambil:-

- (i) Mengenalpasti kawasan iaitu parit atau longkang yang berisiko yang boleh menyebabkan kejadian banjir;

- (ii) Membuat persediaan awal bagi mengelak berlaku banjir kilat dengan memberi peringatan kepada PBT untuk menyenggara sistem perparitan dari sampah sarap, kelodak dan rumput supaya aliran air tidak tersekat;
- (iii) Melaksanakan pembersihan parit dan longkang dengan penglibatan penduduk setempat secara gotong-royong; dan
- (iv) Bekerjasama dengan lain-lain agensi terutama Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Daerah dalam menangani isu berkaitan banjir.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. Dr. Noor Azmi bin Ghazali
[Bagan Serai]**

TARIKH : 17.03.2014 (Isnin)

NO. SOALAN : 67

**Y.B. Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
menyatakan:-**

- a) apakah fungsi Pusat Sokongan Halal Global di Halal Industry Development Corporation (HDC); dan**
- b) setakat ini apakah pencapaian pusat tersebut.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan menerusi Halal Industry Development Corporation (HDC) telah membangunkan Pusat Sokongan Halal Global (GHSC) pada tahun 2009 bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Rujukan Halal Global.

Fungsi GHSC adalah sebagai sebuah pusat rujukan bagi syarikat, pelabur, penyelidik profesional dan juga penyedia perkhidmatan dalam industri halal tempatan dan luar negara untuk mendapatkan maklumat berhubung dengan halal. Ini termasuk maklumat berkaitan statistik industri, trend pasaran, pematuhan pensijilan sebagai tambahan kepada penyelidikan kemajuan dan inovasi.

GHSC ini berfungsi sebagai penyedia maklumat, pengetahuan dan data berkaitan halal secara online melalui portal, menyediakan perpustakaan, pusat rujukan serta penerbitan buku-buku dan majalah berkaitan halal di mana pihak industri dan pengguna dapat memperolehi maklumat, data dan bahan-bahan berkaitan halal. Maklumat mengenai halal juga dibekalkan menerusi saluran maya dan fizikal di mana perkhidmatan secara peribadi untuk pelanggan-pelanggan juga disediakan menerusi *One Touch Point* (OTP). Pusat ini menyediakan lebih 200,000 bahan bacaan maya dan fizikal serta mempunyai lebih 1.9 juta pangkalan data dan lebih dari 8,000 bahan rujukan fizikal (buku, jurnal dan sebagainya)

Ahli Yang Berhormat,

Sejak ditubuhkan pada bulan Jun 2012, OTP di GHSC telah menarik lebih daripada 6,300 pelawat dari 56 negara termasuk dari kedutaan, pesuruhjaya perdagangan, usahawan perniagaan, stesen penyiaran dari CNBC dan Kazakhstan, syarikat-syarikat multi-nasional, badan-badan kerajaan, wakil-wakil rasmi dan individu.

OTP, projek asas GHSC menawarkan perkhidmatan meluas yang berfaedah bagi mereka yang sedia ada dalam industri halal dan mereka yang bercita-cita untuk berkecimpung di dalam industri halal. Ia bertujuan untuk menawarkan perkhidmatan yang menyeluruh berorientasi pengetahuan bersepadu.

Sistem *Halal Data Warehouse* yang terdapat di GHSC adalah yang pertama seumpamanya di dunia. Ia diwujudkan bagi melaporkan data-data penting berkaitan eksport halal, pelaburan halal dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

GHSC telah melancarkan beberapa projek pembangunan dalam memberi kesedaran kepada pengguna terutamanya dalam meningkatkan integriti halal. Antaranya termasuk:

- (a) Aplikasi Halal untuk telefon pintar di mana ia dimuatkan dengan direktori halal, maklumat halal, lokasi premis halal menggunakan teknologi yang boleh digunakan menerusi teknologi *Android*, *Blackberry*, *Nokia Symbian* dan *IOS* untuk telefon pintar *iPhone* dan *iPad*. Aplikasi Halal atau lebih ringkasnya 'Halal Apps', yang diperkenalkan pada tahun 2010 melalui *iTunes store* telah menarik minat lebih dari 30,000 pengguna dari seluruh dunia. Sehingga 2013, HDC telah merekodkan lebih dari 100,000 penggunaan dari seluruh dunia dan penggunaan dari dalam negara dianggarkan sebanyak 99% iaitu 99,000;
- (b) Penyediaan laman sesawang bagi kegunaan industri dan rakyat untuk menyalurkan maklumat halal. Ia telah dilancarkan melalui GHSC sejak dari tahun 2010. Dari tahun 2010 sehingga Disember 2013, penggunaan laman sesawang ini telah mencapai lebih dari 63.7 juta pelawat dari 120 negara.
- (c) Projek Saluran Kreatif Halal atau *Halal Creative Channel* merupakan inisiatif bersama syarikat swasta iaitu pakatan strategik tanpa melibatkan bantuan kewangan Kerajaan. Ia membolehkan HDC mempromosi dan menengahkan maklumat halal di kalangan rakyat di samping menunaikan tanggungjawab sosial di peringkat korporat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 17 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN :

YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab PETRONAS melabur RM100 bilion di Kanada. Apakah faedah pelaburan itu dan berapa lama PETRONAS akan mendapatkan keuntungan daripada pelaburan itu.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaburan PETRONAS di Kanada adalah selari dengan strategi jangka panjang bagi mengukuhkan posisi PETRONAS sebagai salah satu peneraju utama dalam industri Gas Asli Cecair (LNG) di dunia. Syarikat Progress Energy yang diambilalih oleh PETRONAS pada penghujung 2012 membolehkan PETRONAS menguasai lapangan gas “*shale*” Montney di British Columbia dengan anggaran sumber diperolehi (*estimate recoverable resource*) melebihi 50 TCF (Trillion cubic feet). Pelaburan tersebut juga membolehkan PETRONAS mendapatkan kepakaran teknikal dan komersil dalam bidang carigali dan pengeluaran gas “*shale*” yang tidak terdapat di lapangan gas konvensional di Malaysia. Ini adalah selaras dengan strategi pertumbuhan syarikat yang akan memanfaatkan negara dalam masa jangka panjang.

Di samping jualan gas ke pasaran domestik Kanada dengan infrastuktur dan pasaran yang sedia ada, PETRONAS akan membina loji LNG dengan kapasiti jumlah 12 hingga 18 juta tan setahun melalui Projek Pacific Northwest LNG yang dipelopori oleh PETRONAS. LNG yang diproses akan dieksport pada harga pasaran yang lebih tinggi bagi memenuhi pasaran tenaga di Asia. LNG yang dijual dengan kontrak jangka panjang bakal memberi penambahan perolehan untuk PETRONAS bagi tempoh 20 hingga ke 40 tahun akan datang. Pelaburan di Kanada adalah selaras dengan strategi pertumbuhan syarikat yang akan memanfaatkan negara dalam masa jangka panjang. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]
TARIKH : 17 MAC 2014
SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keadaan lebih doktor di negara kita. Apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Majlis Perubatan Malaysia telah dan sedang melaksanakan beberapa pendekatan dalam memastikan kelebihan doktor di Negara ini dapat dikawal. Antaranya adalah:

- a. Mematuhi moratorium yang diputuskan oleh Jemaah Menteri ke atas penawaran kursus baru bidang perubatan di institusi pengajian tinggi tempatan (IPT). Moratorium ini dijangka dapat mengawal jumlah pengeluaran graduan perubatan baru dari dalam Negara;
- b. Majlis Perubatan Malaysia juga sedang melaksanakan semakan semula ke atas Jadual Kedua, Akta Perubatan 1971. Jadual Kedua

merupakan senarai institusi dan kelulusan yang mana pemegangnya berhak didaftarkan sebagai pengamal perubatan. Jadual Kedua sedang dikaji semula dan dikemaskini agar hanya institusi-institusi yang layak sahaja dikekalkan dalam Jadual tersebut;

- c. Majlis Perubatan Malaysia sedang merangka *Malaysian Medical Licensing Examination* yang diharapkan dapat memastikan hanya pengamal perubatan yang berpengetahuan dan berwibawa diterima berdaftar untuk menyampaikan perkhidmatan kesihatan berkualiti kepada rakyat Malaysia; dan
- d. Majlis Perubatan Malaysia bersama Agensi Kelayakan Malaysia dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia sedang mengkaji kelayakan dan kaedah masuk kedalam pengajian perubatan. Ini merangkumi aspek akademik dan juga kemampuan dari segi personaliti dan sebagainya. Mereka yang berminat perlu melepasi tahap akademik dan juga tapisan temuduga. Melalui pendekatan sebegini, dipercayai hanya mereka yang betul-betul layak dan berminat dapat ditapis dengan teliti.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, masih tidak berlaku lebihan Pegawai Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), malah KKM masih menghadapi kekurangan Pegawai Perubatan Pakar. Walau bagaimanapun, KKM mempunyai bilangan Pegawai Perubatan Latihan Siswazah yang bertambah setiap tahun memandangkan Kerajaan wajib melantik semua graduan perubatan

lulusan dalam dan luar negara untuk menjalani *housemanship* dan perkhidmatan wajib selaras dengan Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga 31 Disember 2013, jumlah Pegawai Perubatan di KKM adalah seramai 28,409 orang dengan peratus pengisian sebanyak 88.3 peratus. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,538 adalah Pegawai Perubatan Pakar, 14,899 Pegawai Perubatan bukan pakar dan 9,972 adalah Pegawai Perubatan Latihan Siswazah.

Sebagai langkah jangka panjang bagi mengatasi kekurangan Pegawai Perubatan Pakar, KKM telah menambah jumlah tajaan bagi Pegawai Perubatan untuk melanjutkan pengajian pada peringkat kepakaran. Jumlah tajaan tersebut telah meningkat kepada 1,000 tempat pada tahun 2013 berbanding 800 tempat sebelum ini.

NO. SOALAN: 70

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]**

TARIKH : 17 MAC 2014

RUJUKAN : 6505

SOALAN:

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan:-**

- (a) berapakah kadar penurunan jenayah sejak Jabatan Pencegahan dan Pembanterasan Jenayah PDRM ditubuhkan; dan
- (b) apakah JPJ-PDRM ini akan dipanjangkan keperingkat Ibu Pejabat Polis Kontigen dan Ibu Pejabat Polis Daerah dan jumlah perjawatan yang diwujudkan bagi maksud ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), sejak penubuhan Jabatan Pencegahan dan Pembanterasan Jenayah (JPPJ) pada 31 Mei 2013, pelbagai inisiatif pencegahan jenayah telah dilaksanakan bertujuan untuk mengurangkan kadar jenayah dengan membuat pendekatan dan strategi secara bersepadu antara jabatan dalam PDRM, agensi Kerajaan dan juga masyarakat. Misi Jabatan Pencegahan Jenayah adalah untuk mencegah kejadian jenayah melalui strategi berikut:-

- i) Memastikan strategi dan pendekatan secara proaktif dan bersepadu bagi mencegah jenayah daripada berlaku;**
- ii) Mendidik serta membudayakan masyarakat tentang tanggung jawab bersama dalam mencegah jenayah;**
- iii) Menghapuskan peluang perlakuan jenayah;**
- iv) Menghapuskan hasrat untuk melakukan jenayah;**
- v) Menangani dan mengurangkan persepsi *fear of crime*; dan**

- vi) Memainkan *consultative role* kepada komuniti, institusi pendidikan, institusi perniagaan, agensi kerajaan dan NGO.

Kesan daripada penubuhan jabatan ini telah menunjukkan hasil yang positif dalam pencegahan jenayah, secara perbandingan, kadar jenayah indeks telah berkurangan sebanyak 31% dalam tempoh lima tahun sejak *National Result Key Area (NKRA)* dilancarkan pada tahun 2009 sehingga tahun 2013. Statistik perbandingan seperti berikut:-

PERBANDINGAN STATISTIK JENAYAH INDEKS BAGI TAHUN 2009 DENGAN TAHUN 2013

	2009	2013	NAIK / TURUN	%
JENAYAH KEKERASAN				
BUNUH	571	627	56	9.8
ROGOL	3,742	2,718	-1,024	-27.4
SAMUN BERKAWAN BERS/API	866	98	-768	-88.7
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	23,545	16,647	-6,898	-29.3
SAMUN BERS/API	169	21	-148	-87.6
SAMUN TANPA BERS/API	4,820	3,565	-1,255	-26
MENCEDERAKAN	8,302	5,699	-2,603	-31.4
JUMLAH	42,015	29,375	-12,640	-30.1
JENAYAH HARTABENDA				
CURI	40,058	21,405	-18,653	-46.6
CURI MOTOKAR	14,206	16,733	2,527	17.8
CURI MOTOSIKAL	60,886	49,133	-11,753	-19.3
CURI VAN/LORI/JENTERA BERAT	5,346	4,981	-365	-6.8
CURI RAGUT	9,665	2,118	-7,547	-78.1
PECAH RUMAH	37,641	23,317	-14,324	-29.9
JUMLAH	167,802	117,687	-50,115	-29.9
JUMLAH JENAYAH INDEKS	209,817	147,062	-62,755	-29.9

STATISTIK MENGIKUT KONTIJEN

	2009	2013	NAIK / TURUN	%
KUALA LUMPUR	33,781	22,319	-11,462	-33.9
SELANGOR	54,994	43,060	-11,934	-21.7
JOHOR	27,267	17,105	-10,162	-37.3
PULAU PINANG	16,819	7,936	-8,883	-52.8
KEDAH	12,929	8,636	-4,293	-33.2
KELANTAN	7,401	5,737	-1,664	-22.5
MELAKA	5,623	4,186	-1,437	-25.6
NEGERI SEMBILAN	7,547	5,993	-1,554	-20.6
PAHANG	6,721	5,257	-1,464	-21.8
PERAK	12,768	7,429	-5,339	-41.8
TERENGGANU	5,369	3,610	-1,759	-32.8
SABAH	6,985	5,772	-1,213	-17.4
SARAWAK	10,796	9,191	-1,605	-14.9
PERLIS	817	831	14	1.7
JUMLAH	209,817	147,062	-62,755	-29.9

Bagi menjawab soalan (b), Jabatan Pencegahan Dan Pembanterasan Jenayah (JPPJ) akan dipanjangkan ke peringkat Ibu Pejabat Polis Kontijen (IPK) dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) setelah urusan pertambahan perjawatan yang dipohon mendapat kelulusan pihak yang berwajib.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. TUAN ER TECK HWA**
[BAKRI]

TARIKH : **17 MAC 2014**

SOALAN :

YB. Tuan Er Teck Hwa minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan penyelidikan arkeologi yang dijalankan untuk tapak-tapak perkuburan cina di kawasan Pengerang. Adakah **PETRONAS** pernah menawarkan rancangan untuk mengenal pasti sejarah untuk tapak-tapak perkuburan tersebut.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bakri, kawasan perkuburan Cina di Pengerang tidak mempunyai tapak arkeologi. PETRONAS juga tidak pernah menawarkan rancangan untuk mengenalpasti sejarah untuk tapak-tapak perkuburan tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 17 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN :

YB Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kuantiti pengeluaran minyak negara dan peratus pembahagian keuntungan hasil kerjasama Petronas dengan negara Brunei dalam penerokaan beberapa blok baru berdekatan negeri Sabah.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Purata kuantiti pengeluaran minyak mentah negara pada tahun 2013 adalah sebanyak 576,000 tong sehari dan 6,730 juta kaki padu sehari (mmscfd) bagi gas asli.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 1 Januari 2014, jumlah rizab minyak, kondensat dan gas yang masih ada di Malaysia beserta indeks keseluruhan jangka hayat sumber adalah seperti berikut:-

		bboe (<i>billion barrels of oil equivalent</i>) 1 Januari 2014	Indeks Keseluruhan Jangkahayat Sumber Minyak Malaysia
1	Minyak & Kondensat	5.79	28 tahun
2	Gas Asli	16.8	42 tahun
	Jumlah rizab	22.59	37 tahun

Buat masa ini, kerjasama antara PETRONAS dengan negara Brunei di Blok CA1 dan Blok CA2 masih di peringkat fasa penerokaan dan tiada sebarang pengeluaran minyak dikeluarkan daripada kedua-dua Blok ini.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dr. Michael Jeyakumar Devaraj
[Sungai Siput]

TARIKH : 17 Mac 2014 (Isnin)

SOALAN : Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan** keluasan tanah yang
diusahakan oleh pekebun sayur-sayuran di Malaysia
dengan memberi pecahan mengikut negeri dan
status pemilikan tanah (geran, *lease*, TOL atau
haram).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Keluasan tanah yang diusahakan oleh pekebun sayur-sayuran di Malaysia mengikut negeri dan status pemilikan tanah adalah seperti berikut:

Negeri	Keluasan dan Status Pemilikan Tanah (hektar)				
	Geran/ Hakmilik	TOL	Tanah Kerajaan (Pajak /Sewa)	Tanah Rezab Jabatan (Sewa)	Jumlah
Perlis	70.31	1.47	4.41	-	76.19
Kedah	1,191.17	-	38.55	21.07	1,250.79
Pulau Pinang	1,903.41	23.54	-	-	1,926.9
Perak	3,459.01	483.14	813.71	11.77	4,767.63
Selangor	4,270.74	-	25.90	32.96	4,329.60
Negeri Sembilan	3,891.70	4.12	177.25	0.12	4,073.19
Melaka	4,755.74	-	-	3.53	4,759.27
Johor	4,176.19	13.54	19.13	234.96	4,443.82
Pahang	3,884.87	52.24	296.06	164.39	4,397.56
Terengganu	1,029.22	185.02	362.01	79.46	1,655.71
Kelantan	3,953.21	46.62	93.88	5.59	4,099.29
JUMLAH	32,585.57	809.68	1,830.90	553.85	35,780.00

Walau bagaimanapun, Kementerian ini tidak mempunyai maklumat berhubung dengan tanah yang diusahakan secara haram oleh pekebun sayur-sayuran memandangkan mereka tidak mengisytiharkan status tanah tersebut bagi mengelakkan Kerajaan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas mereka.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 17 MAC 2014

SOALAN :

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan harga serta bantal 1Malaysia Dunloppilo yang diagihkan kepada mangsa banjir di Pahang serta kaedah dan jumlah pembayaran dan semua syarikat yang terlibat dalam pembelian bantal tersebut.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, pemberian peralatan rumah seperti bantal, tilam dan sebagainya adalah inisiatif daripada badan bukan Kerajaan (NGO) yang sudi untuk bersama-sama Kerajaan dalam membantu mangsa-mangsa bencana. Mangsa-mangsa bencana menerima bantuan terus daripada NGO-NGO berkenaan dan nilaiannya tidak diketahui.

Sekian. Terima kasih.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR
BIN MUSA [KETEREH - BN]**

TARIKH : 17 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN (NO. 75)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian bagi memastikan prasarana sukan yang telah dibina atau dalam perancangan pembinaan di peringkat negeri dan kebangsaan mengikut piawaian yang diterima pakai oleh badan-badan sukan antarabangsa.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap projek yang dilaksanakan oleh KBS dipantau bersama oleh persatuan-persatuan sukan yang terlibat bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut piawaian yang diterima pakai oleh badan-badan sukan antarabangsa. Dari segi keselamatan pula, pihak KBS mendapat khidmat nasihat daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi memastikan setiap projek yang dilaksanakan mengikut '*Standard Of Procedure*' (SOP) yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING
(SERDANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.03.2014

Y.B. DR. ONG KIAN MING [SERDANG] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan mengapa perjanjian di antara Pembinaan PFI Sdn. Bhd. dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan ditandatangani di mana tanah yang dimiliki oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan telah digadaikan untuk meminjam duit sebanyak RM20 bilion kepada Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perjanjian yang terlibat di antara

Pembinaan PFI Sdn Bhd (PPFI) dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah Perjanjian Pajak dan Perjanjian Pajak Kecil. Berdasarkan perjanjian tersebut, tanah-tanah yang terlibat hanya dipajak kepada PPFI untuk tempoh tertentu dan tidak dicaj atau digadaikan kepada mana-mana pihak. Hak milik tanah masih kekal di bawah PTP dan PPFI hanya mempunyai hak untuk menduduki dan menggunakan tanah-tanah terlibat dalam tempoh pajakan sahaja. Sehubungan ini, tidak timbul isu gadaian tanah milik PTP di dalam perjanjian yang dinyatakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]
TARIKH : 17 MAC 2014
SOALAN :

YB Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kepada Dewan jumlah kematian disebabkan demam denggi di Negara ini sejak Januari tahun ini.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kes dan kematian denggi dari tahun 2008 hingga 2014 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KES	JUMLAH KEMATIAN
2008	49,335 kes	112 kematian
2009	41,486 kes	88 kematian
2010	46,171 kes	134 kematian
2011	19,884 kes	36 kematian
2012	21,900 kes	35 kematian
2013	43,346 kes	92 kematian

2014	16,383 kes (sehingga 23 Februari)	29 kematian (sehingga 23 Februari)
------	---	--

Pecahan kes dan kematian denggi mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1**.

Peningkatan kes denggi yang berlaku merupakan fenomena global yang turut dialami oleh Malaysia. Peningkatan ini juga disebabkan oleh beberapa faktor lain iaitu:

1. Perubahan serotype virus denggi (*serotype shift*), di mana dari akhir tahun 2012 hingga Februari 2013, *serotype virus* yang dominan di Malaysia adalah DEN 4 tetapi pada bulan Mac 2013 ia bertukar kepada DEN 2. Perubahan *serotype* ini boleh menyebabkan kes atau kematian meningkat. Serotype DEN 2 juga boleh menyebabkan manifestasi klinikal yang lebih teruk dan menyebabkan risiko komplikasi yang lebih tinggi sehingga menyebabkan kematian.
2. Kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan bandar menyebabkan penularan jangkitan lebih mudah dan pembangunan yang pesat memberi kesan kepada peningkatan tempat-tempat pembiakan Aedes.
3. Pergerakan penduduk yang lebih meluas melalui pengangkutan moden turut meningkatkan penyebaran virus denggi ke kawasan yang tiada kes sebelumnya dan ke tempat-tempat lain.

4. Kurangnya kesedaran masyarakat dalam menjaga kebersihan persekitaran mereka. Malah ada di kalangan orang ramai yang masih membuang sampah secara tidak berhemah. Ini akan menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.
5. Faktor cuaca terutama pada waktu hujan menyebabkan bekas-bekas boleh menakung air dan meningkatkan pembiakan Aedes
6. Kurangnya amalan masyarakat melakukan aktiviti “cari dan musnahkan” tempat pembiakan Aedes seminggu sekali di kediaman atau persekitaran mereka.
7. Pengurusan sampah domestik dan pukal yang tidak dilaksanakan dengan baik serta tempat pengumpulan sampah tidak terurus turut menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.
8. Terdapat tempat pembuangan sampah haram dan tidak diuruskan dengan sempurna. Ini juga menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.
9. Terdapat struktur-struktur bangunan yang dibina, menyumbang kepada terjadi tempat pembiakan Aedes terutama di Selangor dan Kuala Lumpur.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KKM telah memperuntukan sebanyak RM3 juta untuk aktiviti pendidikan kesihatan bagi pencegahan denggi.

Langkah-langkah kawalan dan pencegahan denggi yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan adalah melalui pemantauan kes-kes yang dilaporkan secara harian di seluruh negara; melaksanakan aktiviti kawalan secara berkesan keatas setiap kes yang dilaporkan; mempertingkatkan aktiviti pencegahan terutama di kawasan yang berisiko tinggi; dan meningkatkan penglibatan masyarakat di dalam aktiviti pencegahan denggi. Kementerian Kesihatan juga telah melaksanakan program-program baru untuk menghalang denggi dari terus meningkat. Berikut adalah tindakan yang telah dilaksanakan iaitu:

1. Melaksanakan “Ops Gempur Aedes” iaitu operasi penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 yang dijalankan pada setiap bulan bermula pada 8 Julai 2013.
2. Melaksanakan kempen Program Ayuh Gempur Aedes Perdana yang dilancarkan pada 5 Januari 2014, oleh YB. Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia.
3. Mengadakan Dengue Walk About di lokaliti hotspot denggi yang disertai oleh YB. Menteri Kesihatan Malaysia.
4. Melaksanakan kempen “Jom Hapus Tempat Pembiakan Aedes” di 10 lokaliti hotspot denggi pada 2 Mac 2014 yang diketuai oleh YB. Menteri Kesihatan Malaysia.
5. Mengadakan Mesyuarat Mingguan Wabak Denggi yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

6. Melaksanakan halatuju baru program kawalan dan pencegahan denggi Kebangsaan yang mengutamakan penghapusan tempat-tempat pembiakan Aedes.
7. Melaksanakan kaedah kawalan denggi yang baru menerusi kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) iaitu semburan ruang menggunakan kawalan biologi *Bacillus thuringiensis israelensis* (Bti), semburan ruang menggunakan temephos (pembunuh jentik-jentik) dan menggunakan perangkap nyamuk Autocidal Ovitrap.
8. Memastikan bekalan temephos untuk orang awan mudah diperolehi dengan kerjasama daripada syarikat pengeluar.
9. Menambah bilangan Klinik Kesihatan yang memberi perkhidmatan Extended Hour kepada 72 Klinik Kesihatan di seluruh negara.
10. Memastikan semua hospital mempunyai katil yang cukup untuk menampung peningkatan kemasukkan kes denggi di hospital.
11. Mempertingkatkan penyaluran maklumat denggi kepada orang ramai iaitu melalui kenyataan akhbar mingguan, laman web KKM, laman web iDenggi dan Facebook CPRC KKM.
12. Menjalankan promosi kesihatan tentang denggi di media masa perdana dan media sosial.

Jadual 1: Bilangan Kes Dan Kematian Denggi Mengikut Negeri Bagi Tahun 2008 -2014 (Sehingga 23 Februari)

TAHUN	2008		2009		2010		2011		2012		2013		2014 Sehingga 23 Februari	
	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
PERLIS	184	0	191	0	215	0	110	0	172	1	226	1	40	0
KEDAH	1,678	0	750	0	782	3	514	0	817	4	813	1	142	1
PULAU PINANG	2,324	1	2,444	1	1,834	7	1,579	3	791	1	1,053	7	376	3
PERAK	4,219	9	2,734	3	2,288	6	1,411	2	1,716	5	2,519	4	1,133	3
SELANGOR	21,262	46	18,676	48	16,367	45	7,758	14	9,113	12	23,852	24	8,936	11
WP KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA	5,446	13	3,746	9	4,205	6	2,038	2	1,814	5	2,570	8	1,561	3
NEGERI SEMBILAN	1,405	3	1,057	6	1,501	7	737	3	552	2	1,198	1	1,066	1
MELAKA	830	2	769	5	1,485	12	450	0	449	0	1,505	9	592	1
JOHOR	3,908	17	2,528	3	4,406	12	1,583	7	1,650	1	4,828	24	1,064	5
PAHANG	1,327	1	907	2	1,688	5	894	1	641	1	725	2	201	0
TERENGGANU	1,721	5	968	0	1,472	3	675	1	739	0	600	0	180	0
KELANTAN	2,399	10	1,031	1	3,578	11	743	1	1,245	0	1,427	2	652	1
SARAWAK	1,517	0	4,490	7	4,240	14	974	0	1,519	1	1,292	4	201	0
SABAH	1,045	2	1,170	3	2,091	3	402	2	672	2	724	5	236	0
WP LABUAN	70	3	25	0	19	0	16	0	10	0	14	0	3	0
MALAYSIA	49,335	112	41,486	88	46,171	134	19,884	36	21,900	35	43,346	92	16,383	29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid
[Kuala Langat]**

TARIKH : 17 Mac 2014 (Isnin)

SOALAN : 78

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan usaha Kementerian untuk mengurangkan kebergantungan kepada pakar-pakar warga asing dalam bidang maritim.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, jumlah pelaut asing yang berdaftar dengan Jabatan Laut Malaysia adalah seramai 9,596 orang. Walau bagaimanapun jumlah pelaut asing yang sedang berkhidmat di atas kapal Malaysia berdasarkan Perjanjian Anak Kapal yang masih aktif, adalah 6,205 orang sahaja. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,641 orang adalah peringkat pegawai. Dalam pada itu, jumlah pelaut tempatan yang berdaftar pula adalah seramai 45,443 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 6,032 orang bekerja di atas kapal Malaysia dengan 3,414 orang adalah pegawai.

Industri perkapalan adalah merupakan suatu aktiviti yang dijalankan di pelusuk dunia, di mana seseorang pelaut itu boleh bekerja di atas mana-mana kapal asalkan mempunyai persijilan kecekapan yang diiktiraf mengikut piawaian antarabangsa. Terdapat sebahagian pelaut tempatan berkhidmat dengan kapal asing di seluruh dunia.

Dalam pada itu, Jabatan Laut Malaysia telah meluluskan sebanyak 34 buah institut latihan maritim di seluruh Malaysia untuk melatih anak-anak tempatan yang berminat untuk menceburi kerjaya sebagai pelaut. Institut latihan ini antara lain menawarkan kursus latihan untuk pelaut di peringkat pelaut am sehingga ke peringkat pegawai.

Di samping itu, dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai pelaut tempatan di peringkat pegawai pula, Jabatan Laut Malaysia telah memberi tawaran biasiswa kepada pelaut-pelaut Malaysia yang sedang berkhidmat untuk meningkatkan taraf kompetensi mereka ke peringkat pegawai. Bermula dari tahun 2010 sehingga 2014, seramai 47 orang pelaut telah memperoleh biasiswa ini.

Dalam hubungan ini, Malaysia dijangka dapat mengeluarkan lebih banyak pelaut terutama di peringkat pegawai yang berupaya mengurangkan kebergantungan kepada tenaga pakar asing.

NO.SOALAN: 79

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID
BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]
TARIKH : 17.03.2014 (ISNIN)

TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil sekiranya hasil kajian Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup mendapati monopoli atau oligopoli merupakan antara punca kenaikan harga barangan asas seperti gula dan beras akibat tiada persaingan niaga yang sihat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Sistem ekonomi Malaysia adalah sistem ekonomi terbuka di mana pengaruh pasaran memainkan peranan penting dalam penentuan harga. Di antara punca-punca yang menyebabkan berlakunya kenaikan harga barang adalah disebabkan oleh faktor cuaca, manipulasi harga, keadaan bekalan, kelemahan *supply-chain*, ketidakcekapan, kos operasi dan kebergantungan kepada barangan yang diimport. Faktor cuaca seperti musim tengkujuh dan kemarau misalnya telah mempengaruhi keadaan jumlah pengeluaran terutamanya barangan basah seperti ikan dan sayur-sayuran yang menyebabkan penawaran bekalan kurang daripada permintaan yang mendorong peniaga untuk menaikkan harga.

Selain daripada itu, lazimnya harga barangan akan dinaikkan dalam tempoh perayaan disebabkan peniaga ingin mengaut keuntungan berlebihan akibat daripada peningkatan permintaan semasa musim tersebut. Dalam membantu dan melindungi pengguna terutamanya dalam menangani kos sara hidup yang semakin meningkat, Kementerian ini telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti Skim Kawalan Harga Musim Perayaan serta mempergiatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan.

Tuan Yang Dipertua,

Tindakan menaikkan harga barang di pasaran oleh sesetengah peniaga atau pengedar (*distributor*) adalah disebabkan oleh peningkatan di dalam kos pengeluaran atau juga disebabkan oleh manipulasi pasaran melalui aktiviti anti persaingan termasuk pakatan atau perjanjian sesama peniaga (kartel) dan juga penyalahgunaan kuasa pasaran yang dimiliki oleh sesetengah peniaga di peringkat rangkaian perniagaan.

Sehubungan itu, bagi membanteras aktiviti anti-persaingan seperti kewujudan monopoli, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) melalui penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (Akta ini) semenjak 1 Januari 2012 telah menjalankan pelbagai aktiviti penguatkuasaan. Keberkesanan usaha penguatkuasaan MyCC ini dapat dilihat melalui keputusan penuh (*final decision*) dan cadangan-cadangan keputusan (*proposed decision*) yang telah dikeluarkan oleh pihak MyCC. Baru-baru ini pada 20 Februari 2014, pihak MyCC telah mengeluarkan satu cadangan keputusan terhadap 26 pengilang-pengilang ais yang telah didapati menjalankan satu aktiviti pakatan harga yang menjadi pelanggaran di bawah seksyen 4(2)(a) Akta ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD
[PASIR GUDANG]
TARIKH : 17.03.2014 (ISNIN)

PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah tindakan atau hukuman yang akan dikenakan terhadap stesen minyak yang membenarkan kenderaan bernombor pendaftaran asing mengisi petrol RON95 dan sejauh mana tahap penguatkuasaan yang telah dijalankan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah menetapkan bahawa kenderaan berpendaftaran asing dilarang daripada membeli RON 95 di semua stesen minyak di seluruh negara.

Dalam menguatkuasakan larangan tersebut tindakan boleh diambil di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan jika disabit kesalahan boleh dikenakan hukuman berikut:

- (i) Mana-mana **orang perseorangan** tetapi tidak termasuk Pengarah atau Pegawai suatu Badan Korporat / Syarikat / Perbadanan yang melakukan kesalahan di bawah akta ini, apabila disabitkan boleh dihukum **denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya sekali.**

Bagi kesalahan yang kedua, **denda tidak melebihi RM250,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.**

- (ii) Setiap **Badan Korporat / Syarikat / Perbadanan** yang melakukan kesalahan di bawah akta ini, apabila disabitkan kesalahannya boleh dihukum **denda tidak lebih RM250,000 dan bagi kesalahan kedua tidak melebihi RM500,000.**

Langkah-langkah berikut juga telah dilaksanakan bagi melarang kenderaan berpendaftaran asing menggunakan RON95 iaitu:

- (i) Mewartakan barang kawalan iaitu **petrol RON95** sebagai **barangan larangan eksport di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011** berkuatkuasa mulai tahun **2011**, kecuali dengan kebenaran bertulis;
- (ii) mengeluarkan larangan penjualan petrol RON95 kepada kenderaan pendaftaran asing di stesen-stesen minyak. **Penjualan petrol RON95 kepada kenderaan pendaftaran asing adalah dilarang di semua stesen minyak di seluruh negara.** Notis amaran larangan tersebut wajib dipamerkan dan dipatuhi oleh semua pengusaha stesen minyak seluruh negara; dan
- (iii) mengadakan kerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi menempatkan anggota Ikatan Relawan Rakyat (RELA) di **45 buah stesen minyak berhampiran sempadan Thailand** dan **10 buah stesen minyak berhampiran sempadan Singapura.** Tujuan utama adalah untuk mencegah kenderaan berpendaftaran asing membeli minyak petrol RON95.

Bagi tempoh larangan tersebut dikuatkuasakan sebanyak 6 kes telah diambil tindakan dan dikenakan kompaun iaitu sebanyak 4 kes di Johor, 1 kes di Kedah dan 1 kes di Kelantan.